

"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan untuk ke syurga".
- Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

KHUSYUK : KUNCI KESEMPURNAAN SEMBAHYANG

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Isnin, 27 Januari. - Minda yang cerdas adalah merupakan alat bermanfaat yang dapat mengatasi pelbagai masalah Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Kunci kesempurnaan sembahyang ialah khusyuk dengan memelihara rukun serta tertibnya. Khusyuk boleh dicapai dengan adanya minda yang sihat. Tanpa minda yang sihat tidak boleh diharapkan sembahyang akan khusyuk. Manakala tertib dalam sembahyang mengajarkan disiplin diri.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



KUPU SB anjur Kuliah Umum sempena Israk Mikraj

Muka 9



QARIAH negara sertai Musabaqah Al-Quran Antarabangsa di Indonesia

Muka 11

Berkenan menerima mengadap Perutusan Khas DYMM Raja Perlis



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perutusan Khas Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang diketuai oleh Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tengku Syarif Bendahara Perlis. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.


Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perutusan Khas Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum

Tuanku Syed Putra Jamalullail yang diketuai oleh Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tengku Syarif Bendahara Perlis.

>> Muka 2



BDCB terbitkan BSI Disember 2024

Muka 17



PERAYAAN Tahun Baharu Cina simbol keharmonian, perpaduan masyarakat

Muka 20

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERUTUSAN KHAS DYMM RAJA PERLIS



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Yang Amat Mulia Tengku Syarif Bendahara Perlis telah menyebarkan satu Warkah Persilaan daripada DYMM Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk baginda

berangkat menghadiri Sambutan Jubli Perak Pemerintahan DYMM Raja Perlis yang akan berlangsung pada 17 April 2025 di Negeri Perlis, Malaysia.

Menyertai bersama Yang Amat Mulia pada Majlis Mengadap itu ialah isteri Yang Amat Mulia Tengku Syarif Bendahara Perlis, Yang Mulia Datin Seri Diraja Sharifah Azura binti Said Hamoza, Tengku Puan Bendahara Perlis; Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Yang Berhormat Dato' Rahimi bin Ismail; Ahli Dewan Rakyat

Parlimen Padang Besar, Perlis, Yang Berhormat Tuan Rusdan bin Rusmi; dan Kuasa Usaha Sementara, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam, Puan Nur Ezira binti Mahadi.

Juga berangkat dan hadir di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perutusan Khas Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang diketuai oleh Yang Amat Mulia Dato' Seri Diraja Syed Badaruddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tengku Syarif Bendahara Perlis (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Yang Amat Mulia Tengku Syarif Bendahara Perlis menyebarkan satu Warkah Persilaan daripada DYMM Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, selaku Pemangku Grand Chamberlain.

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
29	RABU	29	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	KHAMIS	30	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
31	JUMAAT	1 SYAABAN	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1	SABTU	2	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	AHAD	3	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	ISNIN	4	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	SELASA	5	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar 30 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong 30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait 30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 29 JANUARI 2025

Jaga kesihatan mental melalui ibadah

KESIHATAN mental merupakan perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Sementara dalam Islam, menjaga ketenangan jiwa dan mental sangat ditekankan. Islam memberikan pedoman bahawa untuk menjaga kesihatan mental adalah melalui ibadah dan amalan yang mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan mengingati Allah dengan berzikir dan bertawakal adalah di antara cara-cara menjaga kesihatan mental agar kita akan sentiasa berasa tenang dan damai dalam menghadapi apa jua ujian kehidupan.

Pada masa ini, isu kesihatan mental telah menjadi salah satu isu kesihatan global yang dialami oleh berjuta orang di seluruh dunia. Masalah ini selang hari semakin meningkat dan perlu ditangani dengan memelihara tahap kesihatan mental dengan baik, mengenal pasti punca gejala mental, mendapatkan bantuan mahupun rawatan awal.

Di Negara Brunei Darussalam, isu kesihatan mental dan fizikal sangat diberi keutamaan dan perhatian bagi memastikan kesihatan yang menyeluruh dan holistik. Pada masa sekarang, kesedaran orang ramai tentang isu kesihatan mental menunjukkan masyarakat kita lebih terbuka untuk mendapatkan rawatan. Di samping, terdapat berbagai-bagai usaha dan inisiatif daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam sama-sama menjayakan kempen promosi kesihatan mental yang menekankan pendekatan Islam dan sains.

Dalam Islam, sembahyang bukan sahaja sebagai ibadah bahkan cara untuk mencapai ketenangan. Sementara doa pula berperanan sebagai meluahkan isi hati kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meminta pertolongan. Setiap doa dan zikir yang dilafazkan tatkala kita beribadah tersebut akan mengurangkan kegelisahan dan memberikan ketenangan pada jiwa dan rohani.

Bertepatan dengan tema Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini, 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' memberikan gambaran akan usaha negara dalam menangani isu gejala mental. Menerusi pendekatan ini ia menyepadukan usaha kerohanian dengan usaha dalam bidang saintifik. Dalam hal ini, kita yakin bahawa dalam menangani gejala mental ibadah sembahyang menjadi rawatan kerohanian untuk disepadukan dengan rawatan secara saintifik.

Oleh itu, menjaga kesihatan mental merupakan sebahagian daripada menjaga amanah Allah Subhanahu Wata'ala. Islam memberikan pedoman yang lengkap untuk meraih ketenangan jiwa melalui sembahyang, zikir, selawat dan sebagainya. Semoga kita sentiasa diberikan ketenangan jiwa dan kesihatan mental dengan selalu mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

- Ketua Penyuntingan (Rd)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah bertempat di

Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul lagi untuk memperingati peristiwa agung

Khusyuk : Kunci kesempurnaan sembahyang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah.

Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum, tema Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini berbunyi 'Sembahyang Mencerdaskan Minda'.

Baginda seterusnya bertitah, khusyuk dalam sembahyang menjadi tanda kejayaan orang-orang yang beriman, sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 1 hingga 2 tafsirnya : "*Sesungguhnya berjajalah orang-orang beriman iaitu orang yang khusyuk dalam*

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

sembahyang mereka".

"Demikian peranan minda yang sihat mencetuskan khusyuk dalam sembahyang. Oleh itu, sekalian kita perlu memelihara minda supaya tetap sihat. Cara memelihara itu satu-satunya ialah dengan melakukan sembahyang. Kerana bukannya sembahyang itu membawa ketenangan?"

"Hati dan minda orang sembahyang tidak ke mana-mana, melainkan hanya kepada Allah semata-mata, menjadikan hati dan minda orang sembahyang itu pasti bersih, tenang dan sihat," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dengan mendalami hikmah setiap pergerakan dan bacaan dalam sembahyang, titah baginda lagi, minda akan menjadi terlatih bagi menghindari apa jua jenis gangguan yang boleh menjerumuskan kita kepada pelbagai kerosakan.

"Demikian, hanya minda sihat dan cerdas sahaja akan mampu untuk membuat pertimbangan mana perkara baik dan mana pula perkara buruk atau mana perkara lurus dan mana pula perkara salah.

"Maka dalam hubungan ini, kepentingan minda yang sihat adalah segala-galanya. Oleh itu, beta ingin mengingatkan supaya kesihatan mental terus dijaga bukan setakat merawatnya dengan rawatan biasa yang sedia ada tetapi beta juga mahu supaya rawatan bersepadu iaitu rawatan cara Islam turut juga sama-sama diperkenalkan," titah baginda.

Sejajar dengan ini, titah baginda, minda sihat akan setentunya dapat memelihara ugama dan menepis sebarang percubaan untuk memperalatkan dan menyalahgunakan agama Islam khususnya untuk kepentingan peribadi.

BERPEGANG TEGUH DENGAN AJARAN AHLI SUNNAH WALJAMAAH

BERAKAS, Isnin, 27 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan baru-baru ini, kita digemparkan dengan berita mengenai Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) yang telah diharamkan kerana terbabit dengan jenayah ke atas anak-anak dan mengamalkan amalan terpesong.

"Alhamdulillah, percubaan GISBH untuk bertapak di negara ini telah berjaya dipatahkan. Maka seyogianya beta mengingatkan supaya janganlah leka dan janganlah memandang ringan perkara ini.

"Ibarat penyakit berjangkit, mesti ia dicegah dan ditolak tanpa sebarang tolak ansur. Kerana jika tidak, ia akan mengganggu keharmonian masyarakat dan bahkan mengancam keselamatan," tegas baginda.

Oleh itu, Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan supaya kita sentiasa ingat dan menanamkan dalam minda bahawa pegangan ugama yang kita amalkan selama ini adalah berdasarkan aliran Ahli Sunnah Waljamaah dan hendaklah terus diperkukuhkan, dipegang erat sampai bila-bila dan dijadikan sebagai kubu atau benteng pertahanan dari sebarang bentuk aliran lain demi memelihara keselamatan masyarakat kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga ingin menyeru semua golongan dan peringkat lapisan masyarakat yang menganut agama Islam di negara ini untuk terus mendukung dan mengamalkan aliran ini sebagai pegangan hidup.

"Dengan pegangan ini, insyaaAllah kita dan negara terus dilimpahi rahmat, aman makmur, sejahtera dan selamat di dunia dan akhirat," titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan titah pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar-gambar di bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



KEBERANGKATAN KEBAWAH DYMM MENYERIKAN MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkhiah (atas dan kanan).

BERAKAS, Isnin, 27 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah, hari ini.

Kebangkitan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin

Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman juga Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. selaku Pengendali Bersama dan Menteri Pembangunan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengendali Bersama.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkhiah.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446H dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



yang dipersembahkan oleh johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445H / 2024M Peringkat Akhir, Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Fariszal bin Ali.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapan sembah alu-aluan menyebarkan bahawa pengajaran yang terpenting dalam peristiwa Israk dan Mikraj ialah mengenai sembahyang lima waktu yang difardukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kepada kita umat Islam di semua zaman dan keadaan.

Sambutan Israk dan Mikraj tahun ini diberikan tema, 'Sembahyang Mencerdaskan Minda', yang mana tema ini selaras dengan usaha negara yang sedang menangani isu gejala mental.

"Dalam usaha menangani isu gejala mental itu kita di Negara Brunei Darussalam memilih pendekatan yang menyepadukan usaha kerohanian dengan usaha dalam bidang saintifik. Ertinya ialah kita tahu dan kita yakin bahawa dalam menangani gejala mental ibadat sembahyang adalah menjadi rawatan kerohanian untuk disepadukan dengan rawatan secara saintifik.

>> Muka 5



MAJLIS turut diserikan dengan Persembahan Selawat Tafrijiyyah dan Ibrahimiyah (atas), manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam ucapan sembah alu-aluan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446H. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

>> Muka 4

"Keyakinan kita itu antaranya ialah berdasarkan sebagaimana yang Allah Subhanahu Wata'ala memberitahukan dalam ayat 19 - 23 bahawa kita manusia ini semula jadi diciptakan-Nya dengan bersifat gelisah lagi bakhil-kedekut. Apabila ditimpa kesusahan kita akan mudah berkeluh kesah atau *inda tantu* rasa, gelisah. Apabila dalam keadaan baik, senang linang kita akan bakhil kedekut.

"Dengan itu diharapkan akan menjadi sebahagian santikan dalam memperteguh penghayatan beragama yang sedia dipelajari di sekolah-sekolah, difahami dan dikaji

di peringkat pengajian tinggi, didakwahkan secara meluas. Maka insyaaAllah semua itu, dengan berkat kepimpinan bijaksana, berwawasan serta berwibawa Kebawah Duli Tuan Patik akan selayaknya menjadikan setiap individu Muslim, bahkan kita senegara yakin bahawa ajaran dan fahaman beragama yang ditanamkan melalui pendidikan formal dan non-formal, yang seterusnya disemarakkan dengan dakwah berterusan secara meluas, telah dan akan sentiasa membekalkan generasi kita sekarang dan generasi yang akan datang menjadi individu Muslim, yang teguh berfahaman dan

berpegangan agama yang betul.

"Dengan sedemikian itu yakin dan percaya terhadap diri sendiri, dapat menghadapi semua suasana dan keadaan dengan mencapai kejayaan hidup yang baik seimbang dunia dan akhirat, sebagaimana yang kita pohonkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala," sembah Yang Berhormat. Pada majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan titah.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Selawat Tafrijiyyah dan Ibrahimiyah yang dipersempahkan oleh gabungan pegawai dan kakitangan dari

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), KHEDN, Kementerian Pembangunan dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

Acara diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk, 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' disampaikan oleh penceramah khas dari Republik Indonesia, Profesor Dr. Haji Abdul Somad.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Tema Majlis Sambutan Israk

dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446H ialah 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' dan dikendalikan bersama oleh KHEU, KHEDN, Kementerian Pembangunan dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara bagi Tahun 1446H.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama penceramah khas dari Republik Indonesia, Profesor Dr. Haji Abdul Somad (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan kiri, baginda berkenan bergambar ramai dan menerima junjung ziarah.

DPMM FC TUNDUKKAN KOTA RANGER FC, 6 - 1

JERUDONG, Selasa, 28 Januari. - DPMM FC meraih kemenangan berharga selepas menewaskan Kota Ranger FC, 6 - 1 pada aksi perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2024/2025, yang berlangsung malam tadi di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Berangkat menyertai DPMM FC ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, selaku Ketua Pasukan.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan DPMM FC berada di depan apabila Sergio Mendiguchia Iglesias menjaringkan tiga gol masing-masing pada minit ke-14, 17 dan 25.

Meskipun ketinggalan 3 - 0, Kota Ranger FC berjaya merapatkan kedudukan menerusi sepakan penalti hasil daripada Awangku Muhammad Hazmi



BERANGKAT menyertai DPMM FC ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, selaku Ketua Pasukan (atas), manakala gambar atas kanan, antara yang hadir menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Kota Ranger FC.

Pengiran Salleh pada minit ke-43 dan menjadikan kedudukan 3 - 1.

Namun selang seminit kemudian, DPMM FC menambah tekanan kepada Kota Ranger FC

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



dengan melebarkan jurang jaringan apabila Abdul Azizi Ali Rahman berjaya membolosi gawang Kota Ranger FC pada minit ke-44.

Bersambung pada babak kedua perlawanan, DPMM FC sekali lagi mempamerkan aksi cemerlang apabila Muhd. Haziq

Naquiddin Syamra memberikan gol kelima pada minit ke-58.

Beberapa minit sebelum tamat perlawanan, Sergio Mendiguchia Iglesias menjaringkan gol keenam buat DPMM FC pada minit ke-84 perlawanan.

Kedudukan kekal 6 - 1 sehingga wisel penamat dibunyikan.

Minda cergas, sembahyang khusyuk

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 28 Januari. - Apakah betul sembahyang itu mencergaskan minda? Maka syarat orang yang sembahyang mesti ada minda, baligh, berakal walaupun dia baligh tetapi kalau dia tidak berakal maka dia tidak wajib untuk mengerjakan sembahyang. Ada tiga jenis manusia yang amalannya tidak dicatat, malaikat tidak menulis amalannya, anak kecil sehingga dia akil baligh, orang tidur hingga dia terjaga dan orang gila sehingga sihat dari sakitnya. Ketiga-tiga manusia ini tidak wajib sembahyang sebab tiada minda yang dia boleh pakai untuk mengingat Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang Arab menggunakan untuk minda ini, mereka mengatakannya dengan menggunakan tiga huruf, ketika mereka menggunakan kain putih menutup kepala, mereka takut kain itu terbang dihembus angin maka kain itu diikat dengan satu tali, mereka menyebut tali pengikat itu sebagai akal, akal mengikat.

Kenapa akal itu disebut sebagai pengikat kerana dia mengikat hawa nafsu, maka dalam pepatah Melayu dikatakan, 'manusia dipegang cakapnya sedangkan haiwan dipegang pada talinya', bila ada orang yang bercakap, tiada berdasarkan daripada minda yang sihat, maka dia perlu diikat dengan talinya.

Orang Melayu mengatakan bahawa akal sebagai pengukur. Dalam satu peribahasa dikatakan, 'kalau galah panjang sejengkal, jangan laut hendak diduga', galah adalah akal jangan pernah untuk mengukur Allah Subhanahu Wata'ala dengan akal yang pendek.

Demikian antara yang diujarkan oleh penceramah khas dari Republik Indonesia, Profesor Dr. Haji Abdul Somad yang membawakan Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj

Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, baru-baru ini.

"Ada tiga yang melalaikan manusia, yang pertama, 'Allahuakbar', Allah yang Maha Besar, yang lain daripada itu, masalah hidupnya, ujian hidupnya, semuanya kecil di hadapan Allah, lalu kemudian, dia serahkan segala puji-pujian milik Allah, selepas baru dikatakan diri hamba kepada Allah, penuh dengan silap dan salah dosa, dari mata hingga ke hujung kaki, selepas itu dikatakan, kekaguman wujud terhadap diri manusia adalah punca daripada kelemahan minda.

"Minda yang kuat, merasa diri bukan apa-apa. Ada tiga kerja minda, yang pertama, mengingat, yang kedua, berfikir, yang ketiga, sedar. Sekarang banyak orang yang tidak sedar apa yang dia katakan, apa yang dia ucapkan, apa yang dia perbuat maka ketika sembahyang, orang sedang menjaga kesedarannya.

"Muslim mengatakan, sedar itu adalah khusyuk, suara-suara, semua bersimpul sujud kepada Allah Subhanahu Wata'ala, ketika orang sedang sembahyang maka dia menggunakan minda untuk mengingat apa yang dia katakan, apa yang dia baca," ujar Profesor Dr. Haji Abdul Somad.

Orang yang paling dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala ketika dia sedang bersujud, yang miskin dan yang kaya, rakyat jelata, sesiapa pun jua, boleh menampilkan keningnya ke lantai dan berbisik, kalau makhluk di bumi tidak ada lagi tempat mengadu, kawan sudah lawan, sahabat menikam dari belakang, mengunting dalam lipatan, 'menjegal' kawan seiring, maka saat itu, berbisiklah ke tanah maka malaikat di langit akan memakbulkan segala doa-doa.

Saat duduk di antara dua sujud, itulah doa yang paling panjang,

walaupun duduk antara dua sujud itu paling pendek dalam sembahyang tapi sesungguhnya seorang Mukmin, doa yang paling panjang, lapan permohonannya kepada Allah, itulah doa yang paling panjang, dalam tegak, dalam rukuk, dalam sujud tidak ada permohonan sampai lapan permohonan, iaitu duduk di antara dua sujud.

"Tetapi banyak, orang tiada menggunakan minda untuk mengingat apa yang dia minta kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Selepas itu, pada sujud yang terakhir, dia berkata, meminta kepada Allah, kalau dia boleh menggunakan bahasa Arab, dia mengadu kepada Allah, kalau dia tidak menggunakan bahasa Arab tetapi menggunakan apa-apa sahaja bahasa, apa pun Allah Maha Tahu," tambah Profesor Dr. Haji Abdul Somad lagi.

Selepas bermunajat, ceramah Profesor Dr. Haji Abdul Somad lagi, dia lepaskan segala kepayahan dan kesulitan hidup setelah itu, dia pun menyaksikan Mikraj. Sembahyang itu adalah Mikrajnya orang yang beriman, ketika Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Israk dan Mikraj, menurut riwayat Imam Al-Halusi, disebutkan juga oleh Imam Badrul Al-Ain, disebutkan juga oleh Imam Al-Qastulain, di mana riwayat ini masyhur, dalam kitab-kitab tafsir dan tasawuf ketika Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berdialog dengan Allah, apa kata Nabi Muhammad, semuanya milik Engkau Ya Allah, lalu kemudian, jawab Allah, keselamatan, kerahmatan, keberkatan untukmu wahai Muhammad, dijawab oleh Rasulullah, Nabi tidak ingin salam itu hanya untuk dirinya, dia ingin salam itu melimpah.

Setelah itu, jelas Profesor Dr. Haji Abdul Somad, semua malaikat, bersyahadat, itu hanya dapat difahami oleh orang yang mindanya hidup, mindanya cergas, setiap hari dilatih, dibiasakan pada saat itu, dia sedang bersama dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

"Seorang Muslim ingin sembahyangnya sempurna, dia

memperakui, segala silap dan salahnya, dia berkata, bermohon kepada Allah, tolong hamba supaya hati selalu berzikir, selalu bersyukur, selalu beribadat dengan ibadah yang terbaik.

"Selepas itu, dia pun, keluar daripada sembahyangnya dengan mengucapkan salam. Selepas itu, dia katakan, pada saat itu, semua beban hidup, fikiran, kepayahan, kesusahan, lepas kerana dia sedang bersama dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

"Sembahyang tidak hanya menajamkan minda, tapi juga mencergaskan yang disebut dengan Intelligence Quoting tapi juga emosional. Emosional seorang Muslim, dia marah, dia ingin berduka, dia bersusah hati, semua kesusahannya sudah dilimpahkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Kalau Nabi Musa berdoa kepada Allah, lapangkanlah dada hamba, berbeza dengan Nabi Muhammad, sebelum diminta, dia sudah diberi, apa kata Allah, bukankah sudah ku lapangkan dadamu ya Muhammad.

"Ketika seorang Muslim, sudah berserah diri kepada Allah, selepas sembahyang, tetap mengatakan 'Astaghfirullah', mengapa dia beristighfar, dia bukan minum khamr, dia bukan melakukan perbuatan maksiat, dia baharu sahaja keluar daripada sembahyangnya, ucapan, perbuatan, dibuka dengan takbir, ditutup dengan salam, tapi kenapa dia mengatakan 'Astaghfirullah', begitulah seorang Muslim, dia sedar, dalam sembahyangnya dia lupa, dalam sembahyang, dia lalai, orang Melayu, mengatakan khusyuk itu macam meniti pematang ditengah sawah, seorang petani, selepas menuai padi, dia pun memikul padinya di atas pematang yang licin tanah liat di tengah sawah, kadang terjatuh ke kanan, dia bangkit lagi, kadang terlepas kaki ke kiri, dia tegak kembali, begitulah menjaga kekhusyukan, selepas itu dia sedarkan dirinya 'Astaghfirullah,'" ujar Profesor Dr. Haji Abdul Somad.

Hari ini, tekan Profesor Dr. Haji



PENCERAMAH khas dari Republik Indonesia, Profesor Dr. Haji Abdul Somad menyampaikan Ceramah Khas.

Abdul Somad, banyak orang tidak lagi mahu berdoa selepas sembahyang meninggalkan masjid padahal itu adalah satu saat, suatu waktu yang dipilih oleh Allah Subhanahu Wata'ala, waktu mustajab untuk berdoa, maka ketika itu, imam membaca, sesungguhnya Nabi Ibrahim, Nabi Musa Alaihissalam berdoa, Nabi Harun mengaminkan. Apa kata Allah dalam Al-Quran, doa kamu berdua sudah dikabulkan Allah, padahal, berdoa hanya Nabi Musa, Nabi Harun hanya mengaminkan. Nabi Musa berdoa, Nabi Harun mengaminkan.

"Di dalam masjid, malaikat sudah menunggu dengan doanya, curahkan rahmat-Mu untuk mereka tapi ketika keluar dari masjid, kita meminta rezeki ke dunia Allah kerana di luar masjid, mencari rezeki, kalau sembahyang sudah dilaksanakan, bertebaranlah di atas muka bumi, carilah ke dunia Allah, orang yang mencari ke dunia Allah, adalah manusia dengan minda yang cergas, selepas dia bermunajat, berdoa kepada Allah.

"Semakin banyak ibadah, semakin lama sembahyang khusyuk, semakin cergas fikiran, akal budi manusia kerana dia sedang bersama dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan dia sedang mengucapkan salam di hadapan Rasulullah," ujar Profesor Dr. Haji Abdul Somad mengakhiri ceramahnya.

KHATAM AL-QURAN RAIKAN PESERTA PROGRAM 1J1M

Oleh : Pg. Vivvy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut (atas), manakala gambar kiri, Tausiyah Khas sempena Israk dan Mikraj yang disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Abdul Somad. Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

SUNGAI AKAR, Isnin, 27 Januari. - Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkia (MRSB) mengadakan Majlis Khatam bagi Program Satu Juzuk Satu Minggu (1J1M) yang mana merupakan acara tahunan di masjid tersebut, lewat petang tadi.

Seramai 210 peserta yang mengikuti program ini telah berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran yang telah bermula pada bulan Februari 2024 yang lalu. Program 1J1M ini menggunakan tujuh halakah dan setiap halakah seramai 30 orang peserta.

Terdahulu, Majlis Khatam Al-Quran dimulakan sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. Kemudian majlis diserikan lagi

dengan Tausiyah Khas sempena Israk dan Mikraj yang disampaikan oleh Profesor Dr. Haji Abdul Somad dengan tajuk 'Amalan Membaca dan Menghayati Al-Quran Sepanjang Hayat'.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan; Penaung-penaung MRSB; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan dan penduduk sekitarnya.



Keputusan Peperiksaan BCGCE 'O' Level, IGCSE dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan memaklumkan bahawa keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Sesi Oktober / November 2024 telah dikeluarkan hari ini.

Pada peringkat nasional, seramai 5,533 calon telah menduduki peperiksaan pada Sesi Oktober / November 2024. Daripada jumlah ini, 5,429 (98.12 peratus) adalah calon sekolah dan 104 (1.88 peratus) calon persendirian.

Pada peringkat nasional, seramai 1,045 calon (18.89 peratus) telah berjaya memperoleh 8 'O' Level dan

IGCSE ke atas manakala seramai 2,444 calon (44.17 peratus) berjaya memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas pada peperiksaan Sesi Oktober / November 2024. Sementara calon yang memperoleh 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,875 (51.96 peratus).

Sementara itu, pada peringkat sekolah, seramai 1,045 calon (19.25 peratus) berjaya memperoleh 8 'O' Level dan IGCSE ke atas manakala seramai 2,444 calon (45.02 peratus) telah berjaya memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas. Sementara calon yang memperoleh 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,873 (52.92 peratus).

Daripada 4,619 calon sekolah kerajaan, seramai 767 calon

(16.61 peratus) telah berjaya memperoleh 8 'O' Level dan IGCSE ke atas dan 1,880 calon (40.70 peratus) telah berjaya memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas. Manakala calon yang memperoleh 4 'O' Level dan IGCSE ke atas adalah seramai 2,260 (48.93 peratus).

Bagi calon sekolah swasta, daripada seramai 810 calon, seramai 278 calon (34.32 peratus) berjaya memperoleh 8 'O' Level dan IGCSE ke atas dan 564 calon (69.63 peratus) berjaya memperoleh 5 'O' Level dan IGCSE ke atas. Sementara 613 calon (75.68 peratus) mendapat 4 'O' Level dan IGCSE ke atas.

Di samping itu, seramai 57 calon sekolah (1.05 peratus) berjaya mendapat Gred A*/A dalam lapan hingga 11 mata pelajaran, yang mana 15 daripadanya adalah terdiri

daripada calon sekolah kerajaan.

Sebanyak 22 daripada 49 buah sekolah yang terdiri daripada 17 buah sekolah kerajaan dan lima buah sekolah swasta telah menunjukkan peningkatan di antara 0.34 peratus dan 24.38 peratus berbanding pencapaian tahun 2023.

Peratus prestasi calon di peringkat nasional dalam mata pelajaran utama yang mendapat Gred A-C adalah di antara 4.40 peratus dan 79.57 peratus.

Manakala terdapat sejumlah enam mata pelajaran lain di peringkat nasional (Gred A-C) yang telah mencapai sekurang-kurangnya 50.00 peratus di dalam peperiksaan Sesi Oktober / November 2024.

Penuntut-penuntut yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing.

Manakala calon-calon persendirian dikehendaki

mengambil slip keputusan mereka di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Bagi mana-mana calon yang berhasrat untuk memperbaiki pencapaian keputusan Peperiksaan BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE, pendaftaran bagi bulan Mei / Jun Tahun 2025 masih lagi dibukakan dan tarikh tutup pendaftaran ialah pada Khamis, 13 Februari 2025. Bagi calon-calon sekolah bolehlah mendaftar melalui sekolah masing-masing.

Maklumat lanjut bagi pendaftaran peperiksaan bagi bulan Mei / Jun Tahun 2025 bolehlah diperoleh dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau ke Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

Status
TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

SILA SAHKAN BAHWA MAKLUMAT di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

86 pelajar BIBD ALAF diraikan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengalu-alukan 86 pelajar baharu yang menyertai Program Dana Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD ALAF), sekaligus menegaskan kepercayaannya terhadap kuasa transformatif pendidikan.

Sehubungan itu, Majlis Penganugerahan Dana Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat dan seterusnya pelancaran Skim Bursari Penggalak (SBP) BIBD berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD.

Terdahulu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri dalam ucapannya antara lain mengongsikan semenjak penubuhan Program BIBD ALAF ini, ia telah memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar-pelajar cemerlang di seluruh negara.

Menurutnya, BIBD ALAF bukan sahaja sebuah program bantuan pembelajaran tetapi ia juga satu inisiatif yang inklusif dan komprehensif. Dengan dana zakat sebagai asasnya, program ini menumpukan kepada pembangunan kapasiti pelajar dan memastikan setiap intervensi

pendidikan yang diperlukan diberikan keutamaan. Ia menjadi nadi kepada usaha untuk kejayaan pelajar-pelajar BIBD ALAF secara keseluruhannya.

"Alhamdulillah, setakat ini, enam orang pelajar telah dianugerahkan BIBD ALAF Scholars untuk melanjutkan pengajian di luar negara dalam pelbagai bidang. Dua daripadanya telah berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam di Universiti Al-Azhar, Mesir, manakala empat lagi masih meneruskan pengajian mereka di Australia dan Malaysia. Di dalam negara pula, terdapat seramai 65 orang pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

"Bagi tahun 2025, seramai 56 orang pelajar baharu akan memulakan perjalanan mereka bersama Program BIBD ALAF dan didoakan semua pelajar-pelajar BIBD ALAF akan mencapai kejayaan yang cemerlang dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara di masa hadapan," jelas beliau.

Sebagai kesinambungan kepada Program BIBD ALAF, tambahnya lagi BIBD telah memperkenalkan SBP bermula pada tahun ini.

Skim ini jelasnya dirangka khusus untuk membantu dan menggalak murid-murid Tahun 6 yang berkelayakan. Melalui skim ini, murid-murid akan diberi peluang untuk memperbaiki prestasi pendidikan mereka melalui program intervensi pendidikan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serambi Suluh, Tarindak D'Seni (atas dan kiri).

yang inklusif.

"Seramai 30 orang murid Tahun 6 yang terdiri daripada 26 murid di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah dan empat murid di bawah Jabatan Pengajian Islam akan terlibat dalam projek rintis yang berjalan selama tiga tahun sehingga Tahun Akademik 2027.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan BIBD untuk terus menambah baik Program BIBD ALAF, demi memastikan keberkesannya secara maksimum dan inklusif. Ia juga memastikan program ini kekal relevan dan terus memenuhi objektif utamanya, mencerminkan dedikasi BIBD terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

"Adalah diharapkan skim ini akan menjadi pemangkin kepada sistem pendidikan negara,

seterusnya membuka peluang kepada murid-murid ini untuk menyertai Program BIBD ALAF pada masa hadapan," ujarnya lagi.

Majlis kemudiannya menyaksikan Majlis Penyampaian Ijazah Graduasi Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah kepada Awang Saiful Azmi bin Saradin dan Majlis Penganugerahan Dana Bantuan Pembelajaran Sepanjang Hayat Program BIBD ALAF Pengambilan Ke-12 Tahun bagi Akademik 2025 serta pelancaran SBP Pengambilan Pertama Tahun Akademik 2025.

Turut hadir pada majlis tersebut, setiausaha tetap, pegawai kanan kerajaan, kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, pihak pengurusan dan wakil dari BIBD.

PELANCARAN BUKU TERBITAN BAHARU JABATAN MUFTI KERAJAAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menyerahkan buku kepada penerima pada Majlis Pelancaran Buku Dwi Bahasa Baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bertajuk, 'Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental / Our King-A Pioneer in Integrated Mental Treatment' (atas), manakala gambar atas kanan, buku yang dilancarkan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Januari. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned berkata bahawa rawatan bersepadu mental sangat diperlukan kerana gejala atau penyakit mental itu pangkalannya di hati dan bagi orang yang bermasalah mental yang dirawat itu mestilah hatinya.

Menurut Yang Berhormat Mufti Kerajaan lagi, ini telah ditunjuk oleh al-Qur'an sendiri, sebagaimana firman Allah di dalam Surah ar-Ra'd, ayat 28 (tafsirnya) : "Orang-orang yang beriman tenang tenteram hati-hati mereka dengan Dzikurullah, ketahuilah,

hanya dengan Dzikurullah sahaja, tenang tenteramlah hati-hati manusia".

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Dwi Bahasa Baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertajuk, 'Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental / Our King-A Pioneer in Integrated Mental Treatment' bertempat di Ruang Legar Darullita Brunei Darussalam, JMK, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya menambah, adalah tidak memadai merawat hati / merawat mental yang sakit, hanya dengan hiburan-hiburan atau setakat

petunjuk-petunjuk psikologi, tetapi hati atau minda yang sakit memerlukan ubat dan ubat itu pula tidak mesti ubat yang dimakan atau ditelan tetapi mungkin ia dibaca, sama ada oleh pesakit sendiri atau orang lain (perawat) dalam bentuk jampi dan sebagainya.

"Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam pernah merawat orang gila dengan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an (ini telah saya sebut dalam ceramah saya di Majlis Ilmu). Dalam buku saya pula 'Berubat Dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit' saya menyebut beberapa contoh orang-orang sakit yang sembuh dirawat dengan ayat-ayat al-Qur'an.

"Contoh paling masyhur ialah orang yang disengat oleh kala jengking yang telah dirawat dengan pelbagai ubat tetapi tidak juga sembuh-sembuh, sehingga seorang sahabat Nabi merawatnya dengan menjampi dengan Surah al-Fatihah maka bisa kala jengking hilang sehilang-hilangnya. Ini berlaku lebih 1400 tahun yang lalu.

"Yang berlaku sekitar 800 tahun pula, katanya al-Imam Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah Rahimahullah, telah jatuh sakit di Mekah al-Mukarramah. Dia tidak berupaya untuk mendapatkan doktor atau ubat. Lalu dia hanya berubat dengan ayat-ayat suci al-Qur'an sahaja.

"Dia membaca ayat-ayat itu ke atas Air Zamzam lalu diminumnya. Maka dengan itu menurutnya, dia beroleh kesembuhan yang sempurna dan selepas itu, dia tidak lagi perlu kepada sebarang ubat selain al-Qur'an," kata Yang

Berhormat lagi.

Orang yang sembuh dengan ayat al-Qur'an, terang Yang Berhormat, bukan dua kejadian ini sahaja bahkan banyak, berlaku di sepanjang zaman. Termasuk beberapa contoh lain (sila rujuk buku saya di atas tadi). Kejadian-kejadian sembuh itu berlaku dalam lingkungan masa ini iaitu orang sembuh dari penyakit jantung berlubang dan bengkak pangkal jantung, sembuh dari batuk kokol yang aneh, sembuh dari rambut gugur luar biasa, sembuh dari busung perut kerana sihir, sembuh dari kulit menggelembung mengeluarkan nanah dan berbau sangat busuk dan sembuh dari barah payu dara.

Dengan izin Allah serta berkat daulat raja, kita akan bergerak pula menangani gejala mental dengan rawatan bersepadu : Psikiatri / psikologi dan rawatan ketuhanan, dzikir dan al-Qur'an. Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak berkenaan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang serius mendukung titah.

Menyentuh mengenai tajuk buku yang baru dilancarkan, iaitu 'Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental / Our King-A Pioneer in Integrated Mental Treatment', Yang Berhormat kemudiannya menjelaskan bahawa sejak hampir dua tahun yang lalu lagi, baginda sudah menyuarakan perkara ini dalam perutusan 'Idul Adha 1444H/2023M dan lain-lain sempena serta paling mutakhir ialah dalam Majlis Sambutan Israk dan Mikraj yang berlangsung semalam, baginda bertitah : "Beta ingin mengingatkan supaya kesihatan mental terus



dijaga, bukan setakat merawatnya dengan rawatan biasa yang sedia ada tetapi beta juga mahu, supaya rawatan bersepadu iaitu rawatan cara Islam turut juga sama-sama diperkenalkan".

Ini, tegas Yang Berhormat dapat membuktikan bahawa baginda memang tepat untuk diberi jolokan sebagai 'Pelopor Rawatan Bersepadu Mental'. Menurut Yang Berhormat, setakat ini, kita belum lagi mendengar mana-mana pihak mengungkapkan sebagaimana raja kita mengungkap mengenai rawatan bersepadu mental.

Kiranya hasrat baginda ini terlaksana, semoga diperturut oleh Allah, maka tidak diragukan lagi, Bruneilah satu-satunya negara di dunia yang akan mempunyai rawatan bersepadu mental.

Buku 'Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental / Our King-A Pioneer in Integrated Mental Treatment' mempunyai 100 muka surat dan dijual pada harga BND5 senaskhah bagi kulit nipis dan BND7 senaskhah bagi kulit tebal.

KUPU SB ANJUR KULIAH UMUM SEMPENA ISRAK MIKRAJ

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir selaku tetamu kehormat pada Kuliah Umum sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah (atas), sementara gambar kiri, Kuliah Umum disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Dr. Mikdar Rusdi. Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada kuliah tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Januari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Kuliah Umum sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah. Kuliah tersebut berlangsung di Dewan Tarbiah, KUPU SB, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Kuliah Umum tersebut ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa-mahasiswi KUPU SB.

Kuliah Umum tersebut membawakan tajuk, 'Pesan-pesan Peristiwa Israk Mikraj : Teladan Untuk Pendidikan' yang disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Dr. Mikdar Rusdi.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada kuliah berkenaan

ialah Israk dan Mikraj merupakan peristiwa atau mukjizat agung yang hanya boleh dijangkau dengan keimanan dan ketakwaan.

Menurutnya, ia juga merupakan perjalanan penuh bersejarah yang diaturkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang memaparkan kekuasaan dan kebesaran-Nya, sekali gus menjadi tonggak perintah ibadah sembahyang, syariat terpenting dalam keagungan agama Islam.

Adapun tujuan Kuliah Umum ini diadakan adalah bagi menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj di samping menghayati perjalanan Israk dan Mikraj yang penuh dengan teladan dan pengajaran.



KUPU SB sertai Program Kerjasama ASEAN - USAID

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Januari. - Program kerjasama ASEAN - The US Agency for International Development (USAID) for The Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN) telah diadakan baru-baru ini pada 22 hingga 23 Januari 2025, di Bangkok, Thailand.

Mewakili Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke program berkenaan, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi KUPU SB, Dr. Kharhan bin Haji Jait.

Program berkenaan diisikan

dengan siri perbincangan dan bengkel ini antara lain bertujuan untuk menyelaraskan dan menyempurnakan Pelan Penguatkuasaan Kapasiti dan Program Perkongsian dengan Badan-badan Sektor ASEAN.

Jalanan kerjasama ini sekali gus dapat memastikan semua pelan tindakan (*action plan*), kegiatan serta usaha sama yang dirangka seiring dengan matlamat pembangunan ASEAN.

Penyertaan KUPU SB dalam Program kerjasama ASEAN - USAID ini mencerminkan komitmen dan usaha berterusan KUPU SB sebagai Ahli Lembaga Pengarah AsTEN bagi Negara



MEWAKILI Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke program berkenaan, Ra'es KUPU SB dan Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi KUPU SB, Dr. Kharhan bin Haji Jait (atas, atas kiri dan kanan).

Brunei Darussalam (NBD).

Selain itu, program seumpama ini juga boleh menjadi platform untuk kerjasama akademik dan penyelidikan antara institusi anggota dan pihak-pihak yang berkepentingan, yang boleh memberi manfaat kepada KUPU SB khususnya dan NBD amnya.





IRSYAD HUKUM



 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBACA surah atau ayat al-Qur'an selepas membaca surah al-Fatihah merupakan salah satu sunat *hai'at* dalam sembahyang. Hukum mengerjakannya adalah sunat kerana *ittiba'* (mengikuti perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam) dan makruh meninggalkannya. Jika seseorang tidak membaca surah atau ayat al-Qur'an selepas membaca surah al-Fatihah, maka dia tidak disunatkan untuk mengerjakan sujud *sahwi*.

Terdapat beberapa perkara sunat dan juga *afdhal* ketika membaca surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang bagi meraih fadhilatnya. Oleh itu, Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Perkara sunat ketika membaca surah atau ayat al-Qur'an bagi orang yang sembahyang sama ada dia itu imam atau makmum dalam sembahyang berjemaah atau dia itu *munfarid* iaitu orang yang sembahyang seorang diri sama ada dalam sembahyang *jahriyyah* (sembahyang yang dinyaringkan bacaan) atau sembahyang *sirriyyah* (sembahyang yang diperlahankan bacaan), antaranya seperti berikut:

1. Membaca surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at pertama dan kedua.

Disunatkan bagi imam dan *munfarid* untuk membaca surah atau ayat al-Qur'an pada setiap raka'at jika sembahyang yang dikerjakannya itu sembahyang dua raka'at seperti sembahyang fardhu Subuh, sembahyang fardhu Jumaat, sembahyang sunat Hari Raya, sembahyang sunat Subuh dan yang seumpamanya. Jika sembahyang yang dikerjakannya itu adalah sembahyang fardhu yang lebih daripada dua raka'at, maka disunatkan bagi imam dan *munfarid* membaca surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at pertama dan raka'at kedua sahaja. Jika sembahyang yang dikerjakannya itu adalah sembahyang sunat yang lebih

Perkara Yang Sunat Dilakukan Ketika Membaca Surah Dalam Sembahyang

daripada dua raka'at, maka disunatkan bagi imam dan *munfarid* membaca surah atau ayat al-Qur'an pada setiap raka'at sebelum *tasyahhud awal*.

Khusus bagi sembahyang sunat Witir, jika seseorang mengerjakannya sebanyak tiga raka'at secara bersambung, maka disunatkan membaca surah al-A'la pada raka'at pertama, surah al-Kafirun pada raka'at kedua dan surah al-Ikhlash, surah al-Falaq serta surah an-Nas pada raka'at terakhir sembahyang sunat Witir tersebut. Meskipun perbuatan tersebut menyalahi tuntutan membaca surah atau ayat al-Qur'an pada setiap raka'at sebelum *tasyahhud awal* sebagaimana yang telah dijelaskan, namun menurut Imam asy-Syibrimalisi *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, hukum sunat membaca surah al-Ikhlash, surah al-Falaq dan surah an-Nas pada raka'at terakhir sembahyang sunat Witir itu adalah dikhususkan bagi sembahyang sunat Witir kerana terdapat tuntutan untuk mengerjakannya secara khusus.

Jika orang yang sembahyang itu adalah makmum yang bukan *masbuq*, maka tidak disunatkan baginya membaca surah atau ayat al-Qur'an jika dia mendengar imam membaca surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang *jahriyyah*, bahkan disunatkan baginya untuk mendengar bacaan imam tersebut berdasarkan firman Allah Ta'ala:

Tafsirnya: Dan apabila al-Qur'an itu dibacakan maka dengarkanlah ia (dengan teliti).

(Surah al-A'raf: 204)

Jika makmum dalam sembahyang *sirriyyah* atau dia tidak mendengar bacaan imam dalam sembahyang *jahriyyah* disebabkan jarak yang jauh umpamanya atau dia mendengar suara imam namun dia tidak memahaminya, maka disunatkan baginya membaca surah atau ayat al-Qur'an.

Adapun bagi makmum yang *masbuq* pada raka'at ketiga atau keempat daripada sembahyang imam, maka makmum membacanya pada raka'at ketiga dan keempat tersebut. Jika makmum yang *masbuq* itu tidak sempat membacanya ketika berjemaah bersama imam, maka dia mengqadha bacaan surah atau ayat al-Qur'an itu pada raka'at yang makmum bangkit untuk menyempurnakan sembahyangnya selepas imam memberi salam, umpamanya makmum tersebut *masbuq* pada raka'at ketiga sembahyang fardhu Zohor, dan dia tidak sempat membaca surah atau ayat al-Qur'an pada raka'at ketiga dan keempat bersama imam, maka bagi menyempurnakan sembahyang Zohor, makmum yang *masbuq* itu hendaklah bangkit setelah *tasyahhud akhir* imam untuk mengerjakan raka'at ketiga dan keempat bagi dirinya. Pada raka'at ketiga dan keempat tersebut, dia mengqadha bacaan surah atau ayat al-Qur'an tersebut agar sembahyang makmum tersebut tidak kosong daripada bacaan surah atau ayat al-Qur'an.

1. Membaca satu surah secara sempurna.

Membaca satu surah secara sempurna

"JIKA makmum dalam sembahyang *sirriyyah* atau dia tidak mendengar bacaan imam dalam sembahyang *jahriyyah* disebabkan jarak yang jauh umpamanya atau dia mendengar suara imam namun dia tidak memahaminya, maka disunatkan baginya membaca surah atau ayat al-Qur'an".

adalah *afdhal* daripada membaca sebahagian surah yang sama panjangnya dengan surah tersebut.

Jika sebahagian surah tersebut lebih panjang daripada satu surah tersebut, maka Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dan Imam ar-Ramli *Rahimahullah* berbeza pendapat mengenai bacaan mana yang *afdhal*. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, membaca satu surah secara sempurna adalah *afdhal* daripada membaca sebahagian surah yang lebih panjang daripada surah tersebut kerana *ittiba'* disebabkan pahala *ittiba'* itu melebihi pahala bacaan yang lebih banyak hurufnya. Manakala menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* pula dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, membaca sebahagian surah yang lebih panjang daripada satu surah tersebut adalah *afdhal*.

1. Membaca satu ayat atau tiga ayat daripada al-Qur'an.

Menurut asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj, jika seseorang membaca satu ayat daripada al-Qur'an, maka dia dikira telah mengamalkan sunnah membaca surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang selepas membaca surah al-Fatihah. Namun yang paling utama untuk mengamalkan sunnah tersebut ialah membaca tiga ayat daripada al-Qur'an agar ia menjadi kadar panjang surah yang paling pendek.

Menurut Imam Ibn Qasim al-Abbadi *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj, membaca huruf yang terdapat pada awal surah tertentu seperti *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* dan *ص* dikira telah mengamalkan sunnah tersebut. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, seseorang dikira mengamalkan sunnah dengan membaca sebahagian daripada satu ayat al-Qur'an jika sebahagian ayat yang dibaca itu dapat difahami maknanya menurut pendapat *al-awjah*. Sebagai contoh, dalam surah al-Baqarah ayat 45:

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْآخِثِينَ

(سورة البقرة: ٤٥)

Tafsirnya: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang. Dan sesungguhnya sembahyang itu sangat berat (mendirikannya) melainkan bagi orang-orang yang khusyu'.

(Surah al-Baqarah: 45)

Namun dia hanya membaca sebahagian ayat tersebut sahaja yang dapat difahami maknanya iaitu:

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ

Tafsirnya: Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang.

(Surah al-Baqarah: 45)

Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, mengulang bacaan surah atau ayat al-Qur'an yang dibaca pada raka'at pertama di raka'at kedua adalah dikira mengamalkan sunnah. Menurut beliau lagi, jika selepas membaca surah al-Fatihah, seseorang membaca basmalah bukan dengan niat bahawa ia sebahagian ayat daripada awal permulaan surah al-Fatihah, maka dia dikira mengamalkan sunnah kerana basmalah merupakan satu ayat daripada setiap surah. Namun jika dia membaca basmalah dengan niat bahawa ia sebahagian ayat daripada surah al-Fatihah, maka menurut Imam asy-Syibrimalisi *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, dia dikira tidak mengamalkan sunnah dengan perbuatan tersebut.

Jika seseorang membaca surah al-Fatihah sebanyak dua kali iaitu bacaan pertama untuk mengerjakan rukun *qauli* dan bacaan kedua dia mengulang surah al-Fatihah itu untuk tujuan mengamalkan sunnah membaca surah selepas al-Fatihah, menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya l'ana' ath-Thalibin, jika dia tidak hafal surah atau ayat lain selain surah al-Fatihah, maka dia dikira mengamalkan sunnah itu dengan perbuatan dia mengulang bacaan surah al-Fatihah. Namun jika dia ada hafal surah atau ayat lain selain surah al-Fatihah, maka perbuatannya mengulang bacaan surah al-Fatihah itu adalah tidak dikira mengamalkan sunnah tersebut kerana satu perkara itu tidak dapat mencapai dua tujuan iaitu tujuan fardhu dan tujuan sunat dalam satu tempat dan agar perbuatannya itu tidak menyerupai perbuatan mengulang rukun.

Menurut Imam asy-Syibrimalisi *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, jika orang yang tidak hafal surah atau ayat lain selain surah al-Fatihah mengulang bacaan surah al-Fatihah secara penuh, maka dia dikira telah mengamalkan sunnah membaca surah secara sempurna di samping mengamalkan sunnah membaca surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang selepas membaca surah al-Fatihah. Jika dia hanya mengulang bacaan sebahagian surah al-Fatihah sahaja, maka dia hanya mengamalkan sunnah membaca surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang selepas membaca surah al-Fatihah sahaja.



MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

HASAD dengki adalah salah satu daripada sifat *mazmumah* yang ada dalam diri seseorang insan. Hasad ini boleh membahayakan diri dan mendatangkan kesan yang buruk dan kemudaratan dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat mahupun bernegara yang boleh menyebabkan terjadinya perpecahan dan perselisihan.

Hasad dengki boleh diertikan sebagai suatu sikap tidak senang hati atas nikmat kesenangan ataupun kelebihan yang ada pada orang lain. Sesungguhnya perasaan

Celanya sifat hasad

hasad dengki tidak pernah mengenal pertalian darah atau keluarga, tidak pernah mengenal sahabat dan rakan sekerja. Hasad dengki adalah satu sifat yang buruk yang boleh menyebabkan hubungan keluarga yang rapat boleh menjadi renggang, sahabat yang akrab boleh menjadi musuh, rakan sekerja menjadi tidak sehaluan.

Allah Subhanahu Wata'ala akan menguji manusia dengan mengurniakan nikmat yang kadang kala tidak sama di antara satu dengan yang lain seperti kadang ada yang mendapat nikmat dari Allah dengan cepat, ada yang lambat ada yang lebih dan ada yang kurang. Ini menunjukkan bukanlah Allah Subhanahu Wata'ala itu tidak bersifat adil, malah telah memberikan dan

mengurniakan nikmat itu bersesuaian dengan kedudukan dan keadaan masing-masing. Apabila ada hamba yang diberikan nikmat yang banyak, maka akan timbul pula pihak yang lain mempersoalkan seperti mengapa tidak diberikan kepadanya ataupun lambatnya nikmat itu sampai kepadanya. Unsur ketidaksamaan terhadap nikmat yang diberi ini maka akan timbul dalam diri seseorang itu perasaan hasad. Perasaan seperti ini amat dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti mana dalam Surah An-Nisaa' ayat 32, tafsirnya:

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap kurnia yang telah dilebihkan Allah kepada sebahagian kamu atas sebahagian yang lain. (Kerana) untuk laki-laki ada bahagian

daripada apa yang mereka usahakan dan untuk perempuan ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan. Dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala sesuatu".

Orang yang bersifat hasad dengki jiwanya sentiasa berasa serba kekurangan dengan apa yang dimilikinya. Ini kerana dia tidak pernah merasa bersyukur di atas apa yang dimilikinya, sebaliknya dia mewujudkan perasaan dengki dan iri hati terhadap apa yang dimiliki oleh orang lain. Mengimbas akan keburukan sifat ini seharusnya kita berusaha keras untuk menghindari dan menghilangkan sifat ini dari hati kita. Dengan memahami dan mengetahui bahayanya, kita akan termotivasi untuk melawan hasad dan menggantinya dengan sifat-sifat terpuji seperti sifat *qana'ah* iaitu berasa cukup dengan nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

QARIAH NEGARA SERTAI MUSABAQAH AL-QURAN ANTARABANGSA DI INDONESIA



PEGAWAI Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada peserta negara, Dayangku Ummi Siti Syazana binti Pengiran Haji Marjuki yang meninggalkan negara bagi menyertai The 4th International Holy Qu'ran Competition of Indonesia.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Selasa, 28 Januari. - Peserta negara, Dayangku Ummi Siti Syazana binti Pengiran Haji Marjuki berlepas meninggalkan negara lewat malam tadi bagi menyertai The 4th International Holy Qu'ran Competition of Indonesia yang akan diadakan pada 28 Januari hingga 1 Februari 2025.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pegawai Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohammad Noor.

Peserta negara disertai oleh

Jurulatih merangkap Pengurus Rombongan, Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit.

Dayangku Ummi Siti Syazana merupakan naib johan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir

Kebangsaan Tahun 1445H/2024M dan johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2020.

Rombongan dijangka pulang dan sampai di Negara Brunei Darussalam pada 2 Februari 2025.

Solat miliki banyak kelebihan, hikmah, rahsiannya tersendiri



ANTARA yang mendengarkan Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di masjid berkenaan selepas selesai menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



MERAGANG, Isnin, 27 Januari. - Masjid Az-Zakireen Meragang pada hari ini menganjurkan Ceramah Khas sempena Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di masjid berkenaan selepas selesai menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Ceramah bertajuk 'Ke Arah Kesempurnaan Solat' disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian yang antara lain menyentuh mengenai peristiwa Israk dan Mikraj, iaitu bagaimana

solat disyariatkan di mana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam naik di Mikraj bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala bagi menerima pensyariatan sembahyang yang pada asalnya diwajibkan 50 waktu namun Baginda meminta keringanan akan kewajipan solat daripada 50 waktu menjadi lima waktu namun ganjarannya tetap sama seperti menunaikan 50 waktu.

Menurutnya lagi, solat lima waktu difardukan ke atas kita umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana solat mempunyai kelebihan yang banyak dan mengandungi pelbagai hikmah dan rahsiannya yang tersendiri.

"Di antaranya ialah solat merupakan salah satu jalan ketakwaan (Al-Baqarah, ayat 1 hingga 3), solat merupakan tiang agama (Rukun Islam), solat merupakan senjata utama (doa), solat merupakan talian hayat (tempat meminta pertolongan), solat merupakan tanda orang-orang bersyukur dan solat merupakan benteng pertahanan, antivirus dan firewall daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan kerosakan dan kemungkaran," jelasnya.

Awang Haji Md. Syahiran seterusnya menyeru kepada seluruh umat Islam untuk sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan benar-benar berusaha mendirikan solat dengan cara yang diajarkan oleh Rasulullah dan mudah-mudahan kita semua tergolong dalam orang-orang yang



CERAMAH disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian.

dimasukkan ke dalam syurga Jannatul Firdaus.

Majlis dihadiri oleh Ketua Kampung Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang, Awang Madzlan bin Haji Jumat; Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Meragang, Awang Mohammad bin Haji Tamin; dan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid, Muslimah masjid, para jemaah dan orang-orang kampung yang tinggal berdekatan kawasan Kampung Meragang.

Antara tujuan Ceramah Khas berkenaan diadakan adalah untuk saling berkongsi mendapatkan ilmu bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi ibadat sembahyang dalam kalangan umat Islam selain menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرِحَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتَقَضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالَ بِهِ الرِّغَائِبَ وَحُسْنَ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَىٰ الْعِنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مبابوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 01 / 2025 / PHARM

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 02 / 2025 / PHARM

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 03 / 2025 / PHARM

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 04 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item (Oxygen Masks And Aerochambers) For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 05 / 2025 / SMS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables Item For The State Medical Store For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 06 / 2025 / HTD (TC)

Keterangan:
Development Of Foreign Worker Health Screening (FWHS) E-Portal Inclusive Of Hosting, Maintenance & Support For Three (3) Years For Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
11 Februari 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
VAK / 02 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 26 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 27 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 29 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 30 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 31 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 32 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 33 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services

For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 35 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 37 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 41 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 42 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 43 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 44 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 45 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 47 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:

The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 48 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 50 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 51 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 52 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 53 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Tarikh Tutup:
18 Februari 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :
29 Januari 2025.

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
18 Februari 2025.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Februari 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 03 / 2025

Nama Projek:
Penurapan Batu / Kikisan Aspal
Jalan Raya Bagi Daerah
Brunei Muara dan Temburong

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
V (IV & V) Sahaja

Kategori :
KA01 - Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Mac 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 004 / 2025 –
(CDDE).T.V

Nama Projek:
Menaikkan Taraf Longkang
Di Hilir Sungai Hanching
(Tawaran Semula)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
B01 - (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 001 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja
Penyelenggaraan dan Kecemasan
Terhadap Bangunan-Bangunan
dan Perumahan Kerajaan Di
Daerah Belait Zon 2 Untuk
36 Bulan

No. Projek :
2024ADKB / 2106 / 003001-003

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
'Architect Consultancy'
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 13 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation
(RFQ)
For Architect Consultancy
Services For Pusat
Kesihatan Mengkubau

Dibukakan Kepada
'Civil And Structural
Engineering Consultancy'
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 114 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation
(RFQ)
Civil And Structural Engineering
Consultancy Services
For Pusat Kesihatan Mengkubau

Dibukakan Kepada
'Mechanical and Electrical'
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 15 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
for Pusat Kesihatan Mengkubau

Dibukakan Kepada
'Quantity Surveying
Consultancy'
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 16 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Quantity Surveying Consultancy

Services for Pusat Kesihatan
Mengkubau

Yuran Tawaran :
BND100.00
bagi setiap tawaran
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Februari 2025.



JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
(166) INFO / PK / K / 7
(2024-2025)

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan dan Penghantaran
High End Computer iMac

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis,
30 Januari 2025,
Jam 8.00 Pagi



Yahya (BYIC NO. 00-278077)
Alamat - No. 15, Spg. 127,
Perumahan Berkembar Rimba,
Gadong BE1119, Negara Brunei
Darussalam **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 121 Tahun 2021
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 40 % Pertama atau
terakhir selainnya - Pertama Bila
kena dibayar - 14 September
2024. Di mana Kena Bayar -**
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh: 7 Disember 2024

KES NO. BCY/CP/143/2014

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir

Nama Penghutang -
Noorsateriana Bte PDR DP Haji
Abdul Rashid (BYIC NO.:
00-269086) Alamat - No. 8,
Simpang 17, Kampung Sinarubai,
Negara Brunei Darussalam
Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam
Nombor - Kebankrapan Bil. 143
Tahun 2014 **Banyaknya bagi
tiap-tiap satu ringgit - 100 %
Pertama atau terakhir selainnya**
- Pertama Bila kena dibayar - 16
Disember 2024 **Di mana Kena
Bayar** - Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2,
Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 21 Disember 2024

Muhammad Syafiq
bin Awang Hj Zakaria
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/545/2016

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Kedua

Nama Penghutang - Hajah
Fatimah Binti Haji Swadi (BYIC NO:
00-063142) Alamat -No. 30,
Simpang 421, Kampung Belimbing
Subok, Negara Brunei Darussalam
Mahkamah -Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam
Nombor - Kebankrapan Bil. 545
Tahun 2016 **Banyaknya bagi
tiap-tiap satu ringgit - 56 %
Pertama atau terakhir selainnya**
- Kedua Bila kena dibayar - 26
November 2024 **Di mana Kena
Bayar** - Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2,
Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Disember 2024

KES NO. BCY/CP/235/2019

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Kedua

Nama Penghutang - Ahmad Safri
Bin Hassan (BYIC NO. 00-280744)
Alamat - No. 10, Spg. 371, Jalan
Bukit Bilid, Perumahan Bukit
Beruang, Tutong, Negara Brunei
Darussalam **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** -

Kebankrapan Bil. 235 Tahun 2019
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 60 % Pertama atau
terakhir selainnya** - Kedua Bila
kena dibayar - 26 November 2024
Di mana Kena Bayar- Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Disember 2024

KES NO. BCY/CP/9/2020

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir

Nama Penghutang - Abid
Minimarket Sdn. Bhd. Alamat -No.
775, Simpang 775, Kampung
Tasek Meradun, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam
Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam
Nombor - Kebankrapan Bil.
9Tahun 2020 **Banyaknya bagi
tiap-tiap satu ringgit - 100 %
Pertama atau terakhir selainnya**
- Terakhir Bila kena dibayar - 27
November 2024 **Di mana Kena
Bayar** - Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2,
Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Disember 2024

KES NO. BCY/CP/48/2003

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir

Nama Penghutang - Pg Sufredin
Bin Pg Hj Mohamad - Penghutang
Penghakiman Kedua (BYIC NO:



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

KES NO. BCY/CP/300/2015

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Aminorazmi
bin Manoor (BPIC NO. 30-206233)
Alamat - No. 9, Jalan C, Simpang
22, Kg. Perpindahan Mentiri,
BU2129, Negara Brunei
Darussalam **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 300 Tahun 2015
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 20 % Pertama atau
terakhir selainnya - Pertama Bila
kena dibayar** - 4 November 2024.
Di mana Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 7 Disember 2024

KES NO. BCY/CP121/2021

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama

Nama Penghutang - Sarina binti

00-118961) Alamat - No.131, Jln
Binglu, RPN Tanah Jambu, Negara
Brunei Darussalam **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam **Nombor** -
Kebankrapan Bil. 48 Tahun 2003
**Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 100 % Pertama atau
terakhir selainnya** - Terakhir Bila
kena dibayar - 27 November 2024
Dimana Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh: 18 Disember 2024

KES NO. BCY/CP/347/2014

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir

>> Muka 16

>> Muka 15

Nama Penghutang - Nur Amalina Kamilah Binti Abdullah Lia @ Rabidah Binti Lia (ABDB NO: 257110) **Alamat** - No. 6, Spg. 120-48-35-9, STKRJ Kampung Mumong, Kuala Belait KA1531, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - Kebankrapan Bil. 347 Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 % **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila kena dibayar** - 26 November 2024 **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Disember 2024

Muhd Muzakir bin Haji Zakaria
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

KES NO. BCY/CP/41/2019

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Mohamad Fairuz Bin Haji Suhaili (BYIC NO.: 00-269392) **Alamat** - No. 24, Jalan Lalit, Kg. Telisai Tutong TC1145, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** - Kebankrapan Bil. 41 Tahun 2019 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 47 % **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila kena dibayar** - 16 Disember 2024 **Di mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 21 Disember 2024

Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 4
/ 2024-2025/

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Pakaian Seragam
Bagi Sambutan Hari Kebangsaan
Yang Ke-41, Tahun 2025.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
30 Januari 2025.
Khamis, Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat
(Jika Berkenaan):**
23 Januari 2025.
Khamis, Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga :**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian





KEMENTERIAN PERTAHANAN

<p>Rujukan Tawaran: MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GSU / 004 [JPPK / LTK / 25 / 2024] Eight (8) Months Term Contract For The Janitorial, Grass Cutting, Landscaping And Waste Disposal Works For Sungai Akar Camp And Associated Facilities, Gurkha Security Unit</p> <p>Tarikh Mula Tawaran: 6 Januari 2025.</p> <p>Kelas: III dan ke Atas Sahaja</p> <p>Kategori: S01 dan S02</p> <p>Tempoh Penyiapan Kerja: Lapan (08) Bulan</p> <p>Yuran Tawaran: BND30.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Isnin, 20 Januari 2025.</p> <p>Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 4 Februari 2025. 2.00 Petang.</p> 	<p>Rujukan Tawaran: MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GEN / 002(CS) [JPPK / LTN / 19 / 2023] Five (5) Years Term Contract For Nominated Quantity Surveying Consultancy Services For The Facility Management And Maintenance Term Contract Under Ministry Of Defence</p> <p>Tarikh Mula Tawaran: 6 Januari 2025.</p> <p>Syarat Penyertaan: Konsulten Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan dan BAPEQS</p> <p>Tempoh Penyiapan Kerja: Lima (05) Tahun</p> <p>Yuran Tawaran: BND500.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 27 Januari 2025.</p> <p>Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 4 Februari 2025. 2.00 Petang.</p> 	<p>Rujukan Tawaran: MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / GSU / 003 [JPPK / LTK / 24 / 2024] Eight (8) Months Term Contract For The Operational Maintenance And Corrective Repair Of Sungai Akar Camp And Associated Facilities, Gurkha Security Unit</p> <p>Kelas: III dan Ke Atas Sahaja</p> <p>Kategori: KA01 dan B01</p> <p>Tempoh Penyiapan Kerja : Lapan (08) Bulan</p> <p>Yuran Tawaran: BND30.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Yuran Dokumen: (MINDEF SOR 2019) (Tidak Dikembalikan): BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)*</p> <p>Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Isnin, 20 Januari 2025.</p> <p>Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 4 Februari 2025. 2.00 Petang.</p> 	<p>Rujukan Tawaran: MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 / T / TL / 002 [JPPK / LTK / 19 / 2024] Proposed Design And Build Of New Dais At Muara Naval Base</p> <p>Tarikh Mula Tawaran: 20 Januari 2025</p> <p>Kelas: III dan Ke Atas Sahaja</p> <p>Kategori: KA01 dan B01</p> <p>Tempoh Penyiapan Kerja: Dua (02) Bulan</p> <p>Yuran Tawaran: BND30.00 (Tidak dikembalikan)</p> <p>Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Hari Selasa, 4 Februari 2025</p> <p>Tarikh Tutup Tawaran: Selasa, 11 Februari 2025. 2.00 Petang.</p> 
--	--	---	---



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

<p>Bilangan Sebut Harga: 24 / OKT / 2024 / KKBS / PJK / 16.14 (R)</p> <p>Tajuk Sebut Harga: Kontrak (36 Bulan) Pemeliharaan 3 Buah Lif Jenama 'Mitsubishi' Di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Brunei Darussalam (Requotation)</p> <p>Tarikh Tutup: Khamis, 6 Februari 2025. Tidak lewat jam 2.00 Petang.</p> 	<p>Bilangan Sebut Harga: S04 / HK-41 / 2025 / KKBS / BPK / UP (R)</p> <p>Tajuk Sebut Harga: Pencetakan Buku Surah Yaasin Bagi Majlis Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 (Requotation)</p> <p>Tarikh Tutup: Khamis, 30 Januari 2025.</p> 	<p>Bilangan Sebut Harga: 11 / KKBS / HK41-2025 (R)</p> <p>Tajuk Sebut Harga: Laying Of Red Carpet On The Royal Dias, Taman Sultan Omar Ali Saifuddin For Negara Brunei Darussalam's 41st National Day Celebration 2025 (Requotation)</p> <p>Tarikh Tutup: Khamis, 6 Februari 2025. Tidak lewat jam 2.00 Petang.</p> 	<p>Bilangan Sebut Harga: 15 JANUARI 2025 / KKBS / HK / 3 (1) - 2025</p> <p>Tajuk Sebut Harga: Penyewaan P.A Sistem Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-41, Tahun 2025</p> <p>Tarikh Tutup: Khamis, 30 Januari 2025.</p> 
---	---	--	--

BDCB TERBITKAN BSI DISEMBER 2024



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.



Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

Nilai BSI	Ulasan
Ara 60	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Januari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Disember 2024 baru-baru ini.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada 11 Sektor Ekonomi di kesemua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berbanding ke hadapan, indeks berkenaan boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal

keadaan makroekonomi negara. Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks keadaan perniagaan adalah 50.0 bagi Disember 2024, menunjukkan bahawa secara amnya, keadaan perniagaan adalah lebih kurang sama dengan November 2024.

Kebanyakan perniagaan mengongsikan kesan musim cuti persekolahan terhadap prestasi perniagaan mereka, dengan sentimen yang berbeza-beza direkodkan dalam kalangan sektor yang berlainan. Sentimen positif dikongsikan oleh perniagaan berkaitan dengan perjalanan, perniagaan yang menyertai acara-acara semasa penghujung tahun dan perniagaan yang mengadakan promosi-promosi akhir tahun dan kembali ke sekolah.

Sementara itu, pendapat pesimistik secara amnya adalah berkaitan dengan kelembapan keadaan pasaran, dengan perniagaan menjangka

kecenderungan para pengguna untuk melancong ke luar negara semasa musim percutian yang seterusnya akan menurunkan perbelanjaan dalam negara.

Sesetengah perniagaan yang lain juga mengongsikan pengurangan dalam projek baharu dan aktiviti berikutan tenaga kerja mengambil cuti, dan isu berkaitan cuaca juga menyumbang kepada punca sentimen pesimistik pada Disember 2024.

Indeks keadaan perniagaan bagi satu bulan (1M) ke hadapan di tahap 50.4, menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan yang lebih baik pada Januari 2025 berbanding dengan Disember 2024.

Secara amnya, kebanyakan perniagaan menganggap tahun baharu ini sebagai permulaan yang baik dengan berakhirnya musim percutian serta jangkaan prestasi jualan yang akan meningkat dengan perbelanjaan bonus tahunan pada Januari 2025. Ini juga termasuk perbelanjaan semasa Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-30 serta Sambutan Tahun Baharu Cina pada bulan yang sama.

Sub-indeks pelaburan adalah 50.1 bagi Disember 2024, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan dan 50.1 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa para peniaga menjangka sedikit peningkatan dalam pelaburan pada Disember 2024 dan akan mengekalkannya bagi Januari 2025.


Bagi sebahagian perniagaan, peningkatan berkenaan adalah untuk menambah stok inventori seperti bulan-bulan sebelumnya. Sebaliknya, syarikat yang berasaskan projek memberi tumpuan kepada melengkapkan projek akhir tahun dan kerja-kerja pengubahsuaian yang sedang berjalan dan tidak mempunyai keperluan segera untuk meningkatkan tahap pelaburan hingga selepas bulan Ramadan apabila projek-projek baharu yang dijangka akan bertambah.

Secara amnya, perniagaan menjangka akan menambah inventori pada Mac 2025 bagi persiapan untuk peningkatan dalam permintaan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Sub-indeks pengambilan pekerja adalah 50.2 bagi Disember 2024 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan trend seperti bulan-bulan sebelumnya, perniagaan menjangka akan terus mengambil pekerja sepenuh masa dan sambilan baharu pada Disember 2024 dan Januari 2025. Ini adalah untuk memenuhi keperluan projek dan acara-acara baharu atau yang sedang berjalan.


Sebahagian perniagaan juga mengongsikan keperluan untuk menambah jumlah pekerja dalam bahagian-bahagian yang tertentu seperti teknologi maklumat dan pentadbiran dan akan terus mengambil tenaga kerja untuk mengganti kakitangan yang berhenti mengambil kira kadar pusing ganti pekerja yang tinggi.

Sub-indeks kos perniagaan adalah 50.2 bagi Disember 2024 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, perniagaan menjangka peningkatan dalam kos operasi pada Disember 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk acara-acara akhir tahun



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Disember 2024



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

BSI Disember 2024	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.4
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan	50.2
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.9

untuk pekerja, pembayaran bonus untuk pekerja, aktiviti-aktiviti promosi, pembelian bahan-bahan mentah, perbelanjaan berkaitan dengan penyelenggaraan tahunan, dan kos penghantaran yang lebih tinggi pada hujung tahun.

Bagi Januari 2025, perniagaan menjangka penurunan kos operasi ke tahap normal dan pengurangan dalam perbelanjaan berkaitan tenaga kerja berbanding dengan Disember 2024.

Dari segi Sektor Ekonomi, hanya dua daripada 11 sektor berpandangan optimistik pada Disember 2024.

Sektor Pengangkutan dan Komunikasi mencatat indeks optimistik tertinggi pada tahap 50.7 didorong oleh peningkatan perjalanan penumpang dan penyewaan kenderaan semasa musim percutian serta permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan penghantaran.

Sektor Pembuatan turut optimistik bagi Disember 2024 dengan adanya pelbagai acara yang membawa permintaan yang lebih tinggi dan prestasi yang lebih baik. Sebaliknya, lima sektor melaporkan pandangan pesimistik, terutamanya Sektor Kesihatan dan Pendidikan pada tahap 49.2 disebabkan oleh musim cuti persekolahan.

Sektor-sektor Pesimistik yang lain adalah perkhidmatan swasta lain, kewangan dan insurans, pembinaan, dan pertanian, perhutanan, perikanan dan ternakan yang mengongsikan kebimbangan mengenai keadaan perniagaan yang lembap semasa musim percutian.

Faktor-faktor lain yang dilaporkan termasuk jangkaan penangguhan projek dan pesanan bagi beberapa perniagaan, kekurangan atau ketiadaan projek, dan keadaan cuaca yang buruk sepanjang Disember 2024.

Sementara itu, Sektor Minyak dan Gas serta yang berkaitan, Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman dan Sektor Hotel dan Restoran menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan November 2024.

Dari segi indeks mengikut saiz perniagaan, perniagaan daripada semua saiz besar, sederhana, kecil dan mikro melaporkan indeks pada tahap 50.0, menunjukkan secara amnya sentimen bagi Disember 2024 hampir sama dengan bulan sebelumnya.

Walau bagaimanapun, hasil kaji selidik menunjukkan perbezaan yang ketara dalam sentimen di peringkat sektor, dengan faktor-faktor seperti musim cuti persekolahan dan musim puncak perjalanan serta cabaran khusus kepada sebahagian industri mempengaruhi sentimen perniagaan secara signifikan.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

MESYUARAT BINCANG PELBAGAI PROGRAM KEMASYARAKATAN

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung, Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara Meragang

MERAGANG, Isnin, 27 Januari. - Mesyuarat Pertama Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang diadakan baru-baru ini bertempat di Masjid Az-Zakireen Meragang.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Ketua Kampung, Kawasan 1, RPN Meragang, Awang Madzlan bin Haji Jumat.

Sebelum mesyuarat dimulakan, bacaan Surah Al-Fatihah dibacakan oleh Imam Masjid Az-Zakireen Meragang, Awang Haji Shahbirin bin Haji Mohd. Noor, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Meragang yang

antara lain mengucapkan ucapan penghargaan kepada semua Ahli MPK yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat membincangkan mengenai hal-hal pentadbiran dan pengurusan MPK, termasuk membincangkan bagi mengadakan Majlis Tahliil dan Doa Arwah Sekampung.

Mesyuarat dihadiri seramai lebih kurang 20 Ahli MPK Kawasan 1, RPN Meragang yang dilantik.

MESYUARAT Pertama Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kawasan 1, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang diadakan baru-baru ini (kanan dan bawah).





Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Khairul Hisyam Jaya

Bubur Labu

Kampung Pintu Malim

BAHAN-BAHAN	:	CARA MEMASAK :	
Labu		Rebus labu dan pasta	dalam satu periuk. Setelah
Santan		secara berasingan sehingga	itu, masukkan santan
Gula		masak. Kemudian setelah	secukupnya. Setelah mendidih,
Pasta	bentuk	keduanya masak, masukkan	masukkan gula ikut selera
		labu dan pasta bentuk siput	masing-masing. Siap untuk
			dihidangkan.

DARI MAHKAMAH

Lelaki warga tempatan didenda miliki barangan *vape*

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Januari. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan di sini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND38,036 atau 23 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warga tempatan atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Abdul 'Azim bin Othman memutuskan hukuman terabit selepas Mohammad Arif bin Haji Mesari (defendan), 35 tahun, mengaku bersalah atas kesalahan kerana memiliki 151 botol *vape juice* pelbagai jenis dan 450 unit *vape* dan 124 unit *vape accessories* pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap di Kampung Jangsak oleh Pegawai-pegawai Pencegah Kastam, Unit Operasi (Cawangan Bandar Seri Begawan) Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 26 Oktober 2021 pukul 6.30 malam.

Kesemua barang yang terlibat iaitu *vape juice*, *vape* dan *vape accessories* dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan. Manakala wang tunai terlibat berjumlah BND683 juga dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

Y.T.M Duli Pengiran Pemancha Menyeru Umat Islam Di-Brunei Khas-nya Dan Penduduk2 'Am-nya Supaya Memahamkan Usaha2 Kemajuan Yang Di-jalankan Oleh Kerajaan

BANDAR BRUNEI.—Timbalan Sultan, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah melafadzkan satu titah yang amat di-hargai sa-lepas tamat Pertandingan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei pada malam 2 Januari, 1965.

Di-bawah ini ia-lah titah ucapan tersebut dengan sa-penohnya:

"Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Senegeri, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli2 Jawatan Kuasa, Pengiran2, Pehin2 Awang2 dan Dayang2 sekalian.

Al-hamdulillah saya bershukor kehadiran Allah Subahana-huwatala atas taufek dan hidayah-nya maka pada malam berbahagia ini dapat-lah saya bersama2 dengan Awang2 dan Dayang2 sekalian menyaksikan Pertandingan Bachaan Al-Qura'an Senegeri Brunei bagi memilih Johan dan Naib Johan bachaan Al-Qura'an pada tahun ke-empat ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pegerusi dan Jawatankuasa Pertandingan Senegeri yang telah menjemput saya dan beruchap sapatlah dua dalam majlis yang bahagia ini, serta menyampaikan hadiah2 dan sijil2, disamping itu saya sangat-lah gembira menyaksikan usaha2 kemajuan seperti yang kita saksi pada malam ini.

Usaha2 kemajuan Hal Ehwal Ugama khas-nya, dan juga kepada kemajuan negara Brunei yang sedang pesat dalam pembangunan am-nya yang sangat menarik saya pada malam yang bahagia ini, kerana melihat sambutan yang bersemangat daripada para hadirin sekalian, ini ada-lah menunjukkan hasrat dan semangat ra'ayat yang sadar kepada tanggung jawab terhadap Ugama dan negara mereka, dengan ada-nya sambutan yang seperti ini saya perchaya kemajuan Ugama Islama khas-nya dan kemajuan2 dalam usaha membangunkan negara am-nya akan dapat kita rasakan dan kita nikmati kemajuan-nya dari sa-tahun kesatahun.

Sa-sungguh-nya sambutan yang Awang2 dan Dayang2 berikan kepada Pertandingan di-malam yang bahagia ini, ada-lah memberi keperchayaan kepada saya bahawa Awang2 dan Dayang2 chintakan Ugama, chintakan negara dan chintakan tanah ayer sendiri, oleh itu saya berseru kepada Umat Islam di-Brunei ini khas-nya dan penduduk2 am-nya supaya memahamkan dengan sedalam2-nya usaha2 kemajuan yang di-jalankan untuk nikmat

dan faedah negara dan ra'ayat kerana usaha kemajuan dan ranchangan2 yang di-lancharkan sekarang ini ada-lah berlipat ganda daripada tahun2 yang sudah, demi untuk membangun dan meninggikan taraf kehidupan ra'ayat yang saya perchaya Awang2 dan Dayang2 tidak mahu ketinggalan dari negeri2 yang lain.

Sungguh pun demikian segala usaha2 ini tidak-lah mudah kita usahakan melainkan mendapat sukongan dan kerjasama daripada ra'ayat yang ingin menikmati kemajuan negeri ini.

Usaha yang penting sekali menuju ke-arah chita2 kita ini ia-lah menjaga keamanan dan ketenteraman dengan ada-nya ketenteraman dan keamanan atau dengan terpelihara dan kekal-nya keamanan di-dalam negeri ini, maka segala ranchangan2 dan usaha2 kemajuan yang difikirkan dan di-perchayai memberi faedah dan kebajikan kepada ra'ayat dan negeri itu akan dapat di-laksanakan dengan tidak bertanggoh2 lagi, dengan terlaksana-nya segala

ranchangan2 dan usaha2 kemajuan itu maka ra'ayat dan Negeri Brunei akan sentiasa berada dalam kema'moran dan kebahagiaan.

Dengan berkat semangat Al-Qura'an yang kita dengar tadi, yang telah di-bacha oleh suara2 yang merdu dan mendayu2 itu, maka kita pada malam yang berbahagia ini mari-lah menanamkan semangat di-hati sanubari kita bahawa tiap2 sa-saorang daripada kita yang di- antara bilangan2 kechil ra'ayat negeri ini di-anggar-kan 85,000 jiwa patut-lah berusaha dan menjaga serta bertanggung jawab memelihara keamanan dan ketenteraman negeri ini, bagi kepentingan kita bersama maka mari-lah kita menunaikan pekerja'an menurut tanggung jawab dalam jurusan masing2 untuk kebajikan dan faedah ra'ayat dan negeri kita yang dikasehi ini, mudahan2 dengan ada-

nya kerjasama dan azam yang benar2 suchi maka negeri kita akan di-berkati oleh Tuhan dan kita akan sentiasa di-kabulkan berbahagia di-dunia dan di-akhirat.

Akhir-nya saya sukachita mengucapkan tahniah kepada Johan dan Naib Johan yang berjaya dalam Pertandingan Bachaan Al-Qura'an Senegeri Brunei pada tahun ini dan ada-lah dima'omkan bahawa Johan tahniah ini akan di-beri tambang penoh ke-Mekah seperti titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan pada tahun yang lalu.

Di-samping itu saya mengucapkan terima kasih kepada para peserta sekalian dan berseru supaya mereka bersatu dan menanamkan semangat untuk berusaha bagi mencapai kejayaan dalam pertandingan di-tahun yang akan datang."

Y.T.M. DULI PENGIRAN PEMANCHA BERANGKAT KA-UNITED KINGDOM

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang dari Brunei dalam perjalanannya ka-United Kingdom pada petang 12 Januari, 1965.

Tujuan keberangkatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli

Pengiran Pemancha ka-United Kingdom ia-lah untuk menghantarkan dua orang Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha, sa-orang Putera Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan dua orang Putera2 Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim belajar di-United Kingdom.

Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara, Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha dan Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf yang telah berangkat ka-United Kingdom pada petang hari tersebut ia-lah seperti berikut:

Putera Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara — Pengiran Anak Apong, Putera2 Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha — Pengiran Anak Ja'afar dan Pengiran Anak Puteh, Putera2 Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf — Awangku Yura Hafim dan Awangku Yura Laila.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Muhamad.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang bersama2 dengan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra pada petang hari tersebut.

Waktu² Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu² sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 Januari hingga ka-hari Ahad 31 Januari, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Matahari						
	Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib
20	5.05	5.19	6.35	12.37	3.57	6.33	7.45
21	5.05	5.19	6.35	12.37	3.57	6.33	7.45
22	5.06	5.20	6.35	12.37	3.57	6.34	7.45
23	5.06	5.20	6.35	12.37	3.57	6.34	7.45
24	5.06	5.20	6.35	12.38	3.58	6.35	7.46
25	5.07	5.21	6.36	12.38	3.58	6.35	7.46
26	5.07	5.21	6.36	12.38	3.58	6.36	7.47
27	5.07	5.21	6.36	12.38	3.58	6.36	7.47
28	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47
29	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47
30	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47
31	5.07	5.21	6.36	12.39	3.59	6.36	7.47

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Perayaan Tahun Baharu Cina simbol keharmonian, perpaduan masyarakat

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Dinegara kita Brunei Darussalam terdiri daripada tiga kaum majoritinya iaitu Melayu, Cina dan India di mana kesemua kaum mempunyai hari kebesaran masing-masing. Antara Hari Raya Aidilfitri bagi mereka yang beragama Islam, manakala Tahun Baharu Cina pula bagi masyarakat Cina. Perayaan Tahun Baharu Cina adalah menandakan permulaan tahun baharu bagi kalendar masyarakat Cina yang melambangkan permulaan, titik permulaan dalam nasib dan kehidupan. Setiap tahun perayaan Tahun Baharu Cina akan disebut dengan nama-nama haiwan yang tertentu yang memberi makna dan tuahnya tersendiri. Manakala pada tahun ini ia membawa kepada Tahun Ular.

Seperti juga masyarakat Melayu setiap tibanya Hari Raya Aidilfitri, semua keluarga akan sibuk mempersiapkan kedatangan hari yang penuh kebahagiaan. Begitu juga halnya dengan masyarakat Cina, tibanya sahaja hari kebesaran mereka iaitu Tahun Baharu Cina, mereka akan sibuk membuat persiapan daripada pelbagai sudut. Rumah akan dihias cantik seperti menggantung tanglung di hadapan rumah, selain dihiasi dengan buah limau sebagai simbol murah rezeki. Apa yang lebih penting adalah semangat di dalam menyambut kedatangan tahun baharu tersebut.

Begitulah juga dengan Pengarah Urusan Concepts Computer, Vincent Pao dan isteri Alice Chan yang menjelaskan bahawa semangat menyambut Tahun Baharu Cina benar-benar istimewa untuk keluarga beliau kerana ia melambangkan kebersamaan, kegembiraan di dalam menyambut perayaan, detik untuk merenung tahun lalu dan

memperbaharui ikrar.

Selain itu, ujar Vincent Pao, ia adalah masa untuk menghormati tradisi Cina, melahirkan rasa terima kasih, dan mengalu-alukan peluang kedatangan tahun baharu.

Bagi Vincent Pao sendiri perayaan membawa harapan dan positif, mengingatkan kita tentang kepentingan kebersamaan, saling menghormati dan aspirasi bersama untuk masa depan yang lebih cerah.

"Dalam masyarakat berbilang budaya seperti kita, ia merupakan contoh keharmonian dan keterangkuman yang indah, di mana kita meraikan bukan sahaja sebagai individu tetapi sebagai komuniti," tambahnya.

Menyentuh tentang Tahun Baharu Cina pada tahun ini iaitu Tahun Ular Kayu jelasnya dalam bahasa Cina, ular sering dikaitkan dengan kebijaksanaan, pengetahuan, kecerdasan, intuisi dan kreativiti. Ular membawa tuah, kemakmuran, kesuburan dan umur panjang.

"Sempena Tahun Baharu Cina 2025, saya menantikan tahun ini untuk berkongsi kebahagiaan, kejayaan dan kemakmuran kepada semua melalui semangat kemurahan hati, kerjasama dan positif. Ini boleh dicapai melalui sokongan pertama masyarakat tempatan yang sejajar dengan pencapaian Wawasan Brunei 2035. Menyediakan peluang pekerjaan serta pemindahan pengetahuan dan kemahiran yang mana ia telah menjadi keutamaan kami dan akan berterusan untuk beberapa tahun akan datang.

Selain itu, Tahun Baharu Cina juga merupakan acara perayaan untuk mengukuhkan ikatan keluarga dan rakan

serta kakitangan. Menganjurkan acara atau perhimpunan boleh membantu menggalakkan perpaduan, penghargaan, pertukaran nilai budaya, persefahaman dan saling menghormati," tambahnya.

Justeru ungkapnya menyebarkan positiviti melalui ucapan Tahun Baharu Cina juga merupakan cara menyatakan mesej inspirasi dan kata-kata galakan kepada orang lain untuk menghayati nilai-nilai ketabahan, harapan dan keyakinan untuk tahun yang akan datang.

Akhir sekali, Vincent Pao juga menjelaskan dengan adanya inovasi untuk kemakmuran, ia berharap dapat memperkenalkan usaha niaga perniagaan inovatif baharu, idea, kerjasama atau produk yang bukan sahaja membantu memacu pembangunan ekonomi tempatan tetapi juga meningkatkan kehidupan pelanggan dan pekerja selaras dengan kedatangan Tahun Baharu Cina tahun ini.

Manakala Pendaftar Perkahwinan Orang-orang Cina (Registrar of Chinese Marriage), Lim Han Chiong pula berkata Tahun Baharu Cina merupakan tradisi indah yang memupuk kegembiraan, kebersamaan dan pembaharuan.

Bagi Lim Han Chiong ia adalah masa apabila keluarga dan masyarakat bersatu untuk menghormati asal usul mereka, menerima nikmat tahun lalu dan menantikan masa depan yang penuh dengan harapan apa yang paling penting, hari pertama Tahun Baharu Cina merupakan masa apabila keluarga Cina menziarahi orang tua mereka dan ahli keluarga paling senior dalam seluruh keluarga mereka, biasanya ibu bapa, datuk nenek atau moyang dan terdapat juga keluarga yang mengundang tarian singa sebagai upacara simbolik untuk menyambut tahun baharu sambil menghalau puaka dan

musibah dari rumah.

Menurutnya lagi, secara tradisi, adat resam memberikan angpau atau sampul merah di sepanjang Sambutan Tahun Baharu Cina, oleh pasangan suami isteri atau orang tua kepada muda-mudi yang belum berkahwin. Ini adalah satu kebiasaan untuk orang dewasa memberi sampul merah ini kepada kanak-kanak selain berkongsi makanan perayaan, membawa makna budaya yang mendalam dan melambangkan kekayaan dan perpaduan yang baik dan semangat pembaharuan ini memberi inspirasi kepada orang ramai untuk meninggalkan perkara-perkara negatif dan memberi tumpuan kepada pertumbuhan, menjadikan ia satu perayaan yang benar-benar penuh bermakna dan bererti.

"Kedatangan Tahun Baharu Cina juga membawa kebahagiaan, kejayaan dan kemakmuran bermula dengan tindakan dan sikap positif, seperti membantu mereka yang memerlukan, berkongsi kegembiraan semasa perayaan dengan memberikan ucapan yang tulus ikhlas dan menceriakan hari seseorang selain kita memperkukuh ikatan bersama keluarga, rakan dan rakan sekerja demi memupuk hubungan yang membawa kegembiraan dan saling mendukung," ujar beliau.

Pada kesempatan ini juga Lim Han Chiong turut mengucapkan Gong Xi Fa Cai dan semoga tahun baharu ini membawa banyak kebahagiaan, kemakmuran dan kesihatan untuk kita semua dan dapat merapatkan lagi hubungan keluarga serta rakan-rakan dan perayaan ini juga membawa semangat positif yang mengingatkan kita akan pentingnya menghargai segala yang kita miliki serta mengharapkan yang terbaik pada tahun baharu.



TANAM SIKAP TOLONG-MENOLONG, BERTOLAK ANSUR DALAM KALANGAN BELIA



ANTARA yang menyertai lawatan dan acara gotong-royong ladang nenas bagi belia dan beliawanis masjid senegara sempena Hari Bertindak (Day of Action) baru-baru ini (atas dan kiri).

TUNGU, Isnin, 27 Januari. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok dengan kerjasama Kelab Belia Ashabul Halim dan Ladang Nenas Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku Katok mengadakan

lawatan dan acara gotong-royong ladang nenas bagi belia dan beliawanis masjid senegara sempena Hari Bertindak (Day of Action) baru-baru ini.

Tujuan lawatan berkenaan adalah bagi memberi pengetahuan dan pengalaman luar kepada belia dan beliawanis masjid mengenai pertanian ladang nenas di negara

ini dan melihat persekitaran semula jadi sebenar mengenai industri pertanian untuk dijadikan sumber pendapatan bagi belia dan beliawanis yang berminat dalam bidang pertanian.

Hadir sama pada acara berkenaan, Ketua Bahagian Hal Ehwal Belia, JHEM, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

Seramai 30 orang dalam kalangan belia dan beliawanis masjid seluruh negara menyertainya.

Antara objektif lawatan berkenaan diadakan adalah untuk memberi pengalaman aktiviti yang dilakukan di lokasi lawatan. Di

samping itu, untuk memberi pengalaman dan pengetahuan baharu kepada peserta lawatan.

Acara berkenaan juga dihasrat dapat menanam sikap tolong-menolong, bertolak ansur dan berdikari dalam kalangan peserta yang menyertainya.



MINDA PEMBACA

Pembaziran merugikan masyarakat, ekonomi negara

PEMBAZIRAN adalah isu serius yang membawa kesan buruk kepada masyarakat dan ekonomi negara. Jika tidak ditangani dengan segera, amalan berkenaan boleh mengakibatkan kerugian sumber yang tidak ternilai, menurunkan kualiti hidup rakyat dan melemahkan kestabilan ekonomi negara.

Oleh itu, kesedaran terhadap bahaya pembaziran perlu disemai dalam setiap lapisan masyarakat agar tindakan yang lebih proaktif dapat diambil untuk menangani isu berkenaan.

Dalam kehidupan seharian, pembaziran sering kali berlaku akibat penggunaan sumber secara berlebihan, terutamanya makanan, air, dan tenaga. Sebagai contoh, makanan

yang dibazirkan akhirnya menjadi sisa yang memerlukan kos pelupusan yang tinggi, dan membebankan kerajaan serta masyarakat.

Sikap tidak menghargai makanan berkenaan bertentangan dengan nilai murni kita, terutamanya apabila masih ramai individu yang menghadapi isu kelaparan. Begitu juga dengan pembaziran air dan elektrik akibat penggunaan yang tidak terkawal bukan sahaja merugikan sumber tetapi turut meningkatkan bil utiliti yang menambah beban kewangan kepada isi rumah.

Selain itu, daripada perspektif ekonomi negara, pembaziran memberi kesan besar kepada pembangunan dan pengurusan sumber. Penggunaan bahan mentah, tenaga dan modal

secara tidak efisien boleh mengurangkan produktiviti ekonomi. Contohnya, pembaziran dalam Sektor Pembinaan atau industri bukan sahaja menyebabkan kenaikan kos projek tetapi juga hasil yang tidak memuaskan.

Untuk menangani masalah berkenaan, pelbagai langkah boleh diambil. Pendidikan dan kempen kesedaran tentang kesan buruk pembaziran perlu diperkukuh, khususnya di sekolah, tempat kerja, dan komuniti. Masyarakat juga disarankan mengamalkan konsep 3R (Reduce, Reuse and Recycle) sebagai sebahagian daripada gaya hidup.

Dalam sektor perniagaan, amalan pengeluaran yang mampan dan mesra alam perlu diterapkan untuk

mengurangkan pembaziran. Kerajaan pula harus menggubal dasar yang mempromosi pengurusan sumber secara cekap dan lestari.

Kesimpulannya, pembaziran membawa kesan negatif yang besar kepada masyarakat dan ekonomi. Hanya melalui kerjasama erat antara rakyat, sektor swasta dan kerajaan, masalah ini dapat dibendung. Dengan mengamalkan sikap menghargai sumber, kita bukan sahaja dapat menjaga kesejahteraan negara tetapi juga memastikan kelestarian sumber untuk generasi akan datang.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No K/P : 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025
2. 'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025
3. 'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

HALWUN REZQIN BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN



HALWUN Rezqin semasa menganjurkan acara amal yang memfokuskan kepada Projek Kembali ke Sekolah Jilid 4 yang diadakan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, baru-baru ini.

Berita dan Foto : Ihsan Halwun Rezqin

SERUSOP, Isnin, 27 Januari. - Dalam memperlihatkan semangat kemasyarakatan yang terbaik dan ketelusan hati, Halwun Rezqin telah menganjurkan acara amal yang memfokuskan kepada Projek Kembali ke Sekolah Jilid 4

yang diadakan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, baru-baru ini.

Projek itu dihadiri kira-kira 70 kanak-kanak dari rumah anak yatim dan keluarga berpendapatan rendah. Acara dimulakan dengan menunaikan

Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan diakhiri dengan pengagihan sampul surat dan barangan keperluan yang disesuaikan untuk menyara anak-anak dan keluarga mereka.

Inisiatif ini bertujuan bukan sahaja untuk memberikan kelegaan segera bagi

meneruskan Musim Penggal Persekolahan baharu tetapi juga untuk memupuk semangat kekitaan dan dorongan kepada kanak-kanak yang hadir.

Pengarah Projek Halwun Rezqin, Etta Hassem melahirkan rasa terima kasihnya kepada masyarakat atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. "Projek ini

tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sumbangan penderma dan sukarelawan kami yang murah hati. Sungguh menggembirakan melihat senyuman di wajah kanak-kanak ini, mengingatkan kami tentang impak yang boleh kami cipta apabila kami berkumpul," ujar beliau.

Hayati peristiwa Israk Mikraj sebagai pengajaran, teladan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad



GAMBAR hiasan ... Peristiwa Israk dan Mikraj juga mengajar umat Islam tentang kepentingan solat kerana solat difardukan terus kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tanpa perantaraan, menunjukkan keutamaannya sebagai ibadah yang paling penting (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Januari. - Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu peristiwa yang sangat penting dalam sejarah Islam yang membawa banyak pengajaran mendalam untuk menjadi panduan kehidupan seorang Muslim.

Dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai peristiwa Israk dan Mikraj berkenaan, beberapa pengajaran yang boleh diambil daripadanya dan teladan yang boleh dihayati, antaranya ialah keimanan kepada kebesaran Allah.

Israk dan Mikraj adalah tanda kekuasaan Allah yang tidak terbatas, dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diangkat dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dan seterusnya ke Sidratul

Muntaha dalam satu malam sahaja, sesuatu yang di luar logik manusia.

Melalui peristiwa berkenaan, teladan yang dapat diambil ialah kita perlu meyakini bahawa tiada yang mustahil bagi Allah, dan keimanan kepada kekuasaan Allah perlu sentiasa mantap walaupun akal manusia terbatas memahaminya.

Peristiwa Israk dan Mikraj juga mengajar umat Islam tentang kepentingan solat kerana solat difardukan terus kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tanpa perantaraan, menunjukkan keutamaannya sebagai ibadah yang paling penting.

Dengan itu, kita harus menjaga solat sebagai tiang agama, mendirikan tepat pada waktu



dan menjadikannya sebahagian daripada kehidupan harian. Solat bukan sekadar kewajipan, tetapi juga hubungan langsung dan terus antara hamba dan Allah.

Manakala nilai kesabaran dan keteguhan hati turut diajarkan melalui Israk dan Mikraj, kerana ia berlaku ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menghadapi ujian berat seperti pemulauan kaum Quraisy, kematian Siti Khadijah dan Abu Talib. Peristiwa berkenaan memberi kekuatan dan penghiburan kepada Baginda.

Dalam menghadapi cabaran dan kesulitan hidup pula, seorang Muslim perlu bersabar, bertawakal, dan terus bergantung kepada Allah kerana pertolongan Allah sentiasa hadir pada waktu yang tepat.

Selain itu, kepentingan masjid dan ukhuwah Islamiah juga adalah penting. Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam memulakan perjalanan di Masjidil Haram dan singgah di Masjidil Aqsa, yang melambangkan kesatuan umat Islam di seluruh dunia.

Teladan yang dapat diambil daripada peristiwa berkenaan ialah sebagai umat Islam, kita perlu menjaga hubungan ukhuwah sesama Muslim dan memuliakan masjid sebagai tempat ibadah, ilmu, dan perpaduan.

Manakala, akhirat adalah matlamat utama, kerana dalam perjalanannya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diperlihatkan syurga dan neraka, serta balasan bagi amalan baik dan buruk.

Oleh itu, kita perlu sentiasa mengingati akhirat dalam kehidupan kita. Setiap amalan di dunia ini akan membawa kesan sama ada kita ditempatkan ke syurga atau neraka. Jadi, kita harus

berusaha untuk melakukan kebaikan.

Israk dan Mikraj juga mengajar umat Islam tentang keutamaan ilmu dan amal, kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertemu para nabi dan menerima hikmah daripada perjalanan berkenaan. Ilmu dan pemahaman adalah kunci kepada keimanan yang kukuh.

Sebagai seorang Muslim, kita perlu menuntut ilmu dan mengamalkannya dengan ikhlas, kerana ilmu tanpa amal ibarat pohon tanpa buah.

Peristiwa Israk dan Mikraj bukan sekadar kisah luar biasa, tetapi ia adalah pengajaran hidup untuk memperbaiki diri sebagai seorang hamba Allah Subhanahu Wata'ala.

Semoga kita dapat mengambil iktibar daripada peristiwa berkenaan dan menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan harian.

SESI MOTIVASI MEMANTAPKAN PRESTASI PENCAPAIAN AKADEMIK MURID



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Sekolah Tunas Jaya PGGMB



SEKOLAH Tunas Jaya (STJ) PGGMB Madang menganjurkan bengkel dan sesi motivasi bertujuan bagi memberikan kefahaman dan kemahiran untuk ibu bapa dan penjaga dan murid-murid Tahun 6 yang bakal menduduki peperiksaan tahun ini (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Januari. - Pelaksanaan bengkel dan sesi motivasi kepada ibu bapa dan penjaga serta murid-murid di sekolah-sekolah masing-masing akan mampu meningkatkan prestasi dan pencapaian akademik yang lebih berkesan.

Sehubungan itu, sebagai langkah proaktif yang dirancang, pihak Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Madang baru-baru ini menganjurkan bengkel dan sesi motivasi bertujuan bagi memberikan kefahaman dan kemahiran untuk ibu bapa dan penjaga dan murid-murid Tahun 6

yang bakal menduduki peperiksaan tahun ini.

Strategi awal serupa ini akan dapat membantu para ibu bapa dan penjaga untuk memata-matai dan memastikan anak-anak mereka belajar di rumah.

Guru Besar STJ PGGMB Madang, Awang Ismail bin Haji Tia mengongsikan pencapaian sekolah ini dalam Peperiksaan Penilaian Sijil Rendah (PSR) tahun lepas adalah sangat membanggakan.

Oleh itu, beberapa strategi dan langkah efektif perlu dilaksanakan bagi memastikan pencapaian akademik di sekolah ini akan lebih

baik dari tahun ke tahun.

Di samping memberikan motivasi dan bengkel-bengkel kepada ibu bapa dan penjaga bagi meningkatkan tatacara kemahiran mendidik anak-anak mereka belajar di rumah, guru-guru juga dilengkapi dengan pelbagai kemahiran dan strategi mengajar yang lebih efektif dan menyeronokkan bagi murid-murid di sekolah ini.

Selain itu, murid-murid juga menghadiri kelas tambahan yang diadakan bermula akhir Januari hingga Jun 2025 setiap Jumaat.

Sesi motivasi dan bengkel

tersebut dikendalikan oleh dua orang mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam dalam Jurusan Kaunseling iaitu Dayang Nurul Hazirah binti Haji Jahari dan Mohammad Fakri Fathullah bin Haji Affendi, yang antara lain mengongsikan bagaimana memahami dan menyantuni tingkah laku anak-anak dalam menghadapi pembelajaran mereka.

Seramai 38 orang ibu bapa dan 19 orang murid Tahun 6 menghadiri sesi motivasi dan bengkel berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Agung PGGMB,

Awang Haji Mustapa bin Haji Masri.

Juga hadir guru kanan dan guru-guru yang mengajar subjek Tahun 6 di sekolah berkenaan.

Semoga dengan ada sesi motivasi dan bengkel ini akan dapat meningkatkan keyakinan ibu bapa dan penjaga bagi sama-sama memastikan anak-anak mereka belajar bersungguh-sungguh di rumah.

Begitu juga diharapkan kepada murid-murid akan terus bermotivasi, berusaha dan rajin meningkatkan prestasi pencapaian akademik masing-masing.

Asah diri dalam penulisan skrip drama radio

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Ihsan Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Januari. - Radio Televisyen Brunei (RTB) akan mengadakan Bengkel Penulisan Skrip Drama Radio yang dibukakan penyertaannya kepada orang ramai.

Borang penyertaan boleh didapati melalui penyambut tetamu Ibu Pejabat RTB, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan dan laman sesawang di alamat www.rtb.gov.bn atau melalui Kod QR yang disediakan dalam infografik.

Bengkel Penulisan Skrip Drama Radio akan diadakan pada 10 hingga 13 Februari 2025 nanti dan tarikh tutup pendaftaran adalah pada 4 Februari 2025. Yuran pendaftaran adalah seperti berikut iaitu BND15 untuk orang awam; BND20 untuk pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi manakala BND50 untuk sektor kerajaan dan swasta serta BND25 untuk warga RTB.

Bengkel selama empat hari tersebut akan bermula pada pukul

8.00 pagi hingga 4.30 petang dan diadakan di Pusat Perkembangan Penyiaran, RTB, Simpang 189, Jalan Madang / Jalan 17, Simpang 41, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi penyelar program menerusi talian +673 2341308 atau melalui e-mel di alamat latihan@rtb.gov.bn dan penyertaan adalah terhad.

Oleh itu, bagi mereka yang mempunyai bakat dalam penulisan skrip drama, bolehlah mengikuti bengkel ini bagi memperhalusi dan memperdalamkan lagi mutu serta kualiti penulisan selaras dengan peredaran masa.

Manakala bagi mereka yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut dan mempelajari akan teknik-teknik penulisan skrip drama, awda juga dipelawa untuk mengikuti bengkel ini dan sekali gus mencungkil lagi potensi sendiri khususnya dalam bidang penulisan kreatif.



BENKEL PENULISAN SKRIP DRAMA RADIO

10 - 13 FEBRUARI 2025

BORANG PENYERTAAN BOLEH DIDAPATKAN MELALUI:

- PENYAMBUT TETAMU IBU PEJABAT RTB, BANGUNAN SEKRETARIAT, BSB
- LAMAN SESAWANG WWW.RTB.GOV.BN
- KOD QR BERIKUT:



SCAN ME

TARIKH TUTUP
PENYERTAAN:
4 FEBRUARI 2025,
HARI SELASA

YURAN PENDAFTARAN

ORANG AWAM	BND 15.00
PELAJAR INSTITUSI TINGGI	BND 20.00
SEKTOR KERAJAAN & SWASTA	BND 50.00
WARGA RTB	BND 25.00

PENYERTAAN ADALAH TERHAD!

BAGI SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI:
+673 2341308
latihan@rtb.gov.bn



ePaper Pelita Brunei



MENGERATKAN SILATURAHIM MELALUI PERLAWANAN BADMINTON

Berita dan Foto :
Ihsan Md. Affindy Zainal

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 27 Januari. - Squad Gerinih daripada anak Kampung Batu Marang telah mengadakan perlawanan *mini tournament* bagi kampung berkenaan bertempat di JA Hall, Tanah Jambu.

Pada perlawanan berkenaan, johan disandang oleh Rul dan Yann, manakala naib johan diraih oleh Naz dan Lias. Sementara tempat ketiga dan keempat masing-masing milik Mady dan Nuren serta Aboy dan Nasir.

Tujuan *mini tournament* berkenaan diadakan adalah bagi mengeratkan lagi silaturahmi antara anak-anak kampung di samping mengisi masa lapang sewaktu cuti awam.



SESI gambar ramai pada perlawanan *mini tournament* bagi kampung berkenaan bertempat di JA Hall, Tanah Jambu.

Peluang sertai Fire Fighter Run

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat



FIRE FIGHTER RUN
Dikendalikan oleh Persatuan Bomba
09 FEB 2025 | GAM | MENARA CENDERA KENANGAN, KUALA BELAIT

Kategori	Yuran Pendaftaran
3KM FUN RUN	BND 25
5KM COMPETITION	BND 30
10KM COMPETITION	BND 35



FIRE FIGHTER RUN
Dikendalikan oleh Persatuan Bomba
09 FEB 2025 | GAM | MENARA CENDERA KENANGAN, KUALA BELAIT

HOW TO REGISTER?

QR CODE
or
WALK-IN

UNIT A1-11, 1ST FLOOR, HIGHER COMPLEX
Monday to Saturday, 09:00am - 11:30am / 02:00pm - 05:00pm
Sunday Closed

REGISTRATION OPEN UNTIL 02 FEB 2025

BELAIT, Isnin, 27 Januari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dengan kerjasama Lembaga Bandaran Kuala Belait akan menganjurkan Acara Fire Fighter Run (FFR) dalam Program KBKu Ceria pada 9 Februari 2025 ini nanti.

Acara FFR akan diadakan di kawasan Menara Cendera Kenangan Kuala Belait dan beberapa kategori dibukakan kepada orang ramai untuk menyertai larian ini.

Antara larian dan aktiviti yang diadakan ialah 3km Fun Run dengan yuran pendaftaran sebanyak BND25; 5km Run dengan yuran pendaftaran sebanyak BND30; 10km Run dengan yuran

pendaftaran sebanyak BND35 dan akhir sekali Aktiviti Mini Games di mana tidak ada bayaran dikenakan.

Bagi orang ramai yang ingin menyertai larian ini, pendaftaran telah dibukakan sehingga 2 Februari 2025 dan untuk mendaftar, awda boleh mengimbas Kod QR yang tertera pada infografik yang disertakan khususnya bagi pendaftaran secara dalam talian.

Selain itu, orang ramai juga boleh mendaftar melalui pautan klik Google Form di alamat <https://forms.gle/GW1Gh1T1TF9eRu1n86> atau mendaftar di alamat Blok 'A', Tingkat 1,

Unit No. A1-11, Higher Complex, Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Waktu pendaftaran ialah Isnin hingga Sabtu iaitu bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan diteruskan pada pukul 2.00 petang hingga 5.00 petang manakala Ahad, tidak beroperasi.

Hadiah menarik akan menanti para peserta yang menyertai larian iaitu 5km Run bagi Kategori Lelaki dan Perempuan : tempat pertama, BND150, kedua, BND100 dan ketiga, BND75 manakala bagi Kategori Veteran Lelaki dan Perempuan : tempat pertama, BND150, kedua, BND100 dan ketiga, BND75.

Manakala bagi 10km Run bagi Kategori Lelaki dan Perempuan : tempat pertama, BND300, kedua, BND200 dan ketiga, BND100 manakala bagi Kategori Veteran Lelaki dan Perempuan : tempat pertama, BND300, kedua, BND200 dan ketiga, BND100.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi penyelaras program iaitu May menerusi talian +673 7255863 atau orang ramai boleh *like* dan *follow* serta *share* media sosial JBP iaitu Facebook di *BFRD - Brunei Fire Rescue Department*; Instagram di *@bfrd.995* dan TikTok di *@brunei.firefighters*.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMBAHYANG MENCERDASKAN MINDA